



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5307]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 5345]

USUL-USUL:

Menarik Balik Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan), 1982
[Ruangan 5343]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 5345]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bank Islam [Ruangan 5345]

Rang Undang-undang Jemaah Pemeriksa Elektrik [Ruangan 5366]

Rang Undang-undang Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak [Ruangan 5376]

Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah [Ruangan 5396]

Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan [Ruangan 5403]

Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) [Ruangan 5406]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI
DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S.,
D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN
HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

- Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu)
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S., (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan S. Subramaniam (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, IUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).

- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO' LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATO' HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N. P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (HILIR PADAS).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).

Yang Berhormat WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 8hb Disember, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.

DOA

*(Tuan Yang Dipertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Raman bin Suliman.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Abdul Raman bin Suliman tidak hadir)

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, saya memohon jawapan di bawah Peraturan Mesyuarat 24 (2).

PINJAMAN PERUMAHAN
DARI BANK PERDAGANGAN

2. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pinjaman perumahan yang diluluskan oleh bank-bank perdagangan bagi tahun 1980, 1981 dan 1982, bilakah tarikh yang ditetapkan oleh Kerajaan supaya bank-bank perdagangan dapat memenuhi permintaan pinjaman dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Bank Pusat terhadap bank-bank yang tidak memenuhi kuota tersebut, berapa pula jumlah wang yang dikutip sebagai denda akibat bank-bank tidak mematuhi peraturan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, dalam tahun 1980 bank-bank perdagangan telah meluluskan pinjaman

berjumlah sebanyak \$883.2 juta untuk 24,545 unit rumah. Dalam tahun 1981 jumlah pinjaman perumahan yang diluluskan oleh bank-bank perdagangan ialah sebanyak \$773.7 juta untuk 20,937 unit rumah. Bagi tempoh 9 bulan pertama dalam tahun ini bank-bank perdagangan telah meluluskan pinjaman sebanyak \$862.7 juta yang melibatkan 16,114 unit rumah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga Bank Negara telah mengadakan garis panduan tiap-tiap tahun berhubung dengan pinjaman perumahan. Pada dasarnya garis panduan ini menetapkan paras minima jumlah pinjaman perumahan yang perlu dipenuhi oleh bank-bank perdagangan. Tarikh akhir bagi pematuhan garis panduan ini bagi tiap-tiap tahun ialah 31hb Disember tahun berkenaan.

Bank-bank perdagangan yang gagal mematuhi garis-garis panduan yang telah ditetapkan adalah dikehendaki menyimpan dengan Bank Negara jumlah yang sama banyaknya dengan kekurangan pinjaman yang sepatutnya diperuntukkan bagi pinjaman perumahan berdasarkan faedah denda yang difikirkan sesuai oleh Bank Negara. Jumlah simpanan yang disimpan dengan Bank Negara oleh bank-bank yang gagal mematuhi garis panduan bagi tahun 1981 adalah sebanyak \$173.7 juta.

Tuan Fung Ket Wing: *(Dengan izin)* Tuan Speaker, what interest rate is charged by the banks on housing loans and whether they are calculated at daily rest or yearly rest? If the interest is calculated at yearly rest, then the

loanees will be charged more than what is normally paid by the interest charged at daily rest. What action will the Government take to ensure that the housing loan customers are not over-charged by the banks with regard to interest?

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, saya tidak berapa faham soalan itu.

Tuan Yang Dipertua: Bolehkah ulangkan semula mengenai yearly rest dan daily rest?

Tuan Fung Ket Wing: The yearly rest is calculated at the amount outstanding at the beginning of the year without regard to the payment made during the year; and the daily rest is calculated on the amount outstanding every day—in the outstanding balance calculated on the total of the decimal.

Tuan Sabbaruddin Chik: Boleh minta soalan itu dibacakan sekali lagi? Saya tidak berapa faham.

Tuan Yang Dipertua: Baca soalan itu sekali lagi.

Tuan Fung Ket Wing: What interest rate is charged by the bank on housing loans and whether they are calculated at daily rest or yearly rest? If the interest is calculated at yearly rest, then the loanees will be charged more than what is normally paid by the banks based on the daily rest. What action will the Government take to ensure that the customers' interests are protected and that they are not over-charged by the banks?

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, saya minta maaf, saya tidak faham betul. (*Ketawa*). Saya cuba dengar terjemahannya pun saya tidak boleh faham.

Tuan Yang Dipertua: Bolehkah Yang Berhormat hantar pertanyaan itu dengan bertulis? Yang Berhormat

Timbalan Menteri akan beri jawapan dengan bertulis.

Tuan Sabbaruddin Chik: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

PUTERA NORODOM SIHANOUK—KEJAYAAN

3. Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengikut maklumat yang diterima sejauh manakah kejayaan Putera Norodim Sihanouk dan kabinetnya memperjuangkan nasib negaranya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang Dipertua, pada 7hb Januari, 1979 dan beberapa tahun sebelumnya Kerajaan yang memerintah Kampuchea adalah dinamakan Kerajaan Demokratik Kampuchea yang diketuai oleh Pol Pot dan ianya menjadi ahli penuh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pada hari yang sama juga sebanyak lebih kurang 200,000 orang tentera Vietnam telah melanggar serta menduduki Phnom Penh, ibu negara Cambodia dan menubuhkan Kerajaan bonekanya yang diketuai oleh Heng Samrin. Kerajaan sah Kampuchea pula telah diusir dan terpaksa berundur ke hutan belantara dan pergunungan bersempadan dengan negeri Thai. Mulai dari itu maka wujudlah keadaan di mana terdapat dua Kerajaan di bumi Kampuchea.

Bagi negara-negara lain di dunia pula mereka terpaksa membuat pilihan sama ada hendak mengiktiraf Regim Boneka Heng Samrin ini ataupun Kerajaan Demokratik Kampuchea yang diketuai oleh Pol Pot yang juga terkuat kerana kekejamannya. Jelas dari rekod-rekod pengundian di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai persoalan ini bahawa kebanyakan negara dalam dunia ini telah pun memilih untuk menegakkan prinsip agar sesebuah

negara tidak mencampur tangan dalam hal ehwal dalam negeri sesebuah negara yang lain serta prinsip menghormati kedaulatan sesebuah negara iaitu dengan terus menerus mengiktiraf Kerajaan Demokratik Kampuchea yang diketuai oleh Pol Pot itu sebagai Kerajaan Kampuchea yang sah.

Negara-negara tersebut membuat pilihan tersebut dengan penuh keyakinan bahawa keamanan dan kesejahteraan dunia banyak bergantung kepada penerimaan dan penegakan prinsip-prinsip ini. Dalam keadaan yang demikian sekarang ini wujudlah 2 buah Kerajaan di bumi Kampuchea, satu yang mendapat pengiktirafan dari kebanyakan negara dalam dunia dan bukan merupakan pula sebuah Kerajaan dalam buangan dan satu lagi Regim Heng Samrin yang tidak pula diiktiraf sebagai sebuah Kerajaan yang sah di bawah undang-undang antarabangsa sekalipun kerana ianya didukung oleh tentera asing dan juga tidak dapat dengan sendirinya mengawal keadaan dalam kawasan yang dirangkumi oleh sempadan antarabangsa yang bernama Kampuchea.

Pada bulan Jun, 1982 Kerajaan sah Demokratik Kampuchea ini telah diperluas dan diperkukuhkan dengan tertubuhnya Kerajaan Campuran yang diketuai oleh Putera Norodom Sihanouk. Kerajaan ini mempraktikkan sistem Kabinet yang mengandungi beberapa jawatankuasa termasuk Jawatankuasa Kewangan, Ekonomi, Pertahanan dan lain-lain lagi dengan mengandungi ahli-ahli dari ketiga-tiga kumpulan dalam tiap-tiap jawatankuasa. Hasil dari daya usaha Putera Norodom Sihanouk serta Kabinetnya maka jumlah askar Kerajaan ini sekarang melebihi 40,000 orang dan kian diperkuatkan hari demi hari. Kekuatan ini juga telah dicapai dengan adanya juga pemalingan tadah askar-askat Regim

Heng Samrin itu sendiri. Kawasan-kawasan yang mereka kuasai di bumi Kampuchea juga kian meluas. Dalam bidang antarabangsa pemimpin-pemimpin Kerajaan ini telah pun menjelajah ke merata-rata dan telah mendapat sokongan yang besar dalam berbagai pengundian di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini. Negara-negara yang mula memberi berbagai-bagai bantuan kepada mereka juga meningkat. Oleh yang demikian, dengan adanya kemajuan-kemajuan ini dan tekanan opinion antarabangsa yang begitu kuat maka adalah dirasakan satu penyelesaian politik di Kampuchea dapat dicapai nanti dan ini pula dapat memajukan pencapaian konsep ZOPFAN di rantau ini.

Kerajaan Malaysia bersama-sama dengan negara-negara ASEAN yang lain yakin bahawa apabila kita telah sampai ke akhir jalan nanti dalam percaturan politik mengenai Kampuchea ini maka keadaan akan membuktikan insya Allah, kita tidak tersalah memilih kawan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebagaimana jawapan beliau tadi bahawa telah wujud 2 kuasa yang mentadbir tanah Kampuchea sekarang ini. Jadi, apakah di antara dua kuasa ini masih berperang di antara satu sama lain dan sekiranya masih berperang apakah sokongan terhadap Kerajaan Campuran Kampuchea oleh semua negara itu hanya akan membesarkan peperangan atau pertempuran dalam negara tersebut, akibatnya rakyat Kampuchea sendiri akan menderita dari sokongan luar yang diberikan itu?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat memang benar bahawa sebagaimana yang kita semua tahu kedua-dua puak ini sedang pun

bertempur, berperang tetapi itulah sebabnya maka pihak ASEAN khususnya telah pun menjelajah di merata dunia dan telah pun mengusulkan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu satu usul yang sekarang ini dikenal sebagai ICK Resolution iaitu yang mencadangkan supaya Vietnam mengundurkan tenteranya dari Vietnam dan kemudian pula diadakan satu pilihanraya bebas dengan tidak ada tekanan dari mana-mana puak supaya rakyat Kampuchea sendiri dapat menentukan corak dan bentuk Kerajaan yang mereka kehendaki iaitu satu penyelesaian secara politik.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:

Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri tadi nampaknya pada bulan Jun 1982 satu Kerajaan telah ditubuhkan yang diketuai oleh Putera Norodom Sihanouk dan Kabinetnya telah ditubuhkan. Di manakah Kabinet ini sekarang ditempatkan dan bolehkah pada pandangan Yang Berhormat mereka boleh balik ke Kampuchea?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh

Fadzir: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi dalam jawapan saya Kerajaan ini bertempat di bumi Kampuchea sendiri dan Kabinetnya sudah tentulah boleh mengadakan mesyuaratnya di mana-mana tempat yang agak sesuai dari semasa ke semasa.

Wan Mohd. Najib bin Wan

Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya lagi, memanglah hasrat kita berkehendakkan penyelesaian politik terhadap 2 kuasa yang berperang di negara tersebut tetapi tidak ada satu kuasa yang merupakan satu orang tengah yang boleh diterima oleh kedua-dua pihak, misalnya, diterima oleh pihak Kerajaan Boneka

Vietnam dan juga diterima oleh Kerajaan Campuran Kampuchea. Tidak ada satu kuasa orang tengah untuk menyelesaikan perkara itu bagi mendapatkan penyelesaian-penyelesaian politik kerana kita hanya mendapat sokongan daripada pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang seolah-olah tidak mempunyai kuasa veto ataupun kuasa yang diterima oleh kedua-dua pihak bagi menyelesaikan masalah. Jadi, apakah penyelesaian politik yang diharapkan itu dapat diwujudkan?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh

Fadzir: Tuan Yang Dipertua, orang tengah yang seelok-eloknya dalam hubungan ini adalah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan tiap-tiap pengundian mengenai soal penyelesaian politik yang dibuat di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ini bukanlah satu pengundian yang agak samar-samat tetapi opinion antarabangsa yang telah pun diberi pengundian itu adalah begitu ketara sekali. Misalnya, dalam pengundian baru-baru ini negara-negara yang telah menyokong usul ASEAN adalah sebanyak 105 buah negara, overwhelming iaitu satu angka yang begitu besar sekali. Ini adalah dirasakan merupakan satu tekanan yang begitu kuat dan satu hari nanti, insya Allah, Vietnam terpaksa menerima hakikat bahawa dunia tidak suka mengenai perangnya itu.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah:

Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sepanjang yang kita ketahui bahawa Kerajaan Boneka Heng Samrin ini adalah mendapat sokongan moral daripada Russia. Jadi, bagaimanakah pihak Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea ini akan dapat mencapai matlamatnya sekiranya di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pihak Russia menggunakan kuasa vetonya dan kalau tidak ada jalan lain, adakah pihak Kerajaan Campuran ini akan

memperkuatkan pasukan tenteranya yang kini telah berjumlah 40,000 iaitu dengan cara bertindak secara revolusi, tidak memilih demokrasi semata-mata untuk mencapai matlamat bagi menubuhkan Kerajaan Demokratik Kampuchea ini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, pihak Soviet Union tidak mempunyai kuasa veto ataupun mana-mana negara yang lain pun tidak mempunyai kuasa veto dalam mesyuarat-mesyuarat yang dikendalikan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, hanya dalam Security Council sahaja yang mereka mempunyai kuasa veto.

Kedua, mengenai soal sama ada kenapa tidak Kerajaan Campuran ini memilih secara revolusi untuk mencapai objektifnya, suka saya menyatakan bahawa memanglah sebagaimana yang kita tahu usaha mereka itu adalah serampang dua mata di samping mengenakan tekanan-tekanan tentera di Vietnam mereka juga berikhtiar dengan cara lain, dengan cara diplomasi untuk mencari penyelesaian politik.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang Dipertua, adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa ada pendapat yang mengatakan usaha ASEAN ini adalah suatu usaha untuk mengalih Kampuchea itu dari mulut harimau ke mulut buaya. Apakah Kerajaan sedar dalam hal ini?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan sedar mengenai satu hakikat yang lain, di samping mencari satu penyelesaian di Kampuchea, Kerajaan sedar mengenai satu hakikat yang lain yang begitu penting kepada masa depan dan keselamatan negara-negara kecil dan juga bagi kepentingan keselamatan dan juga kesejahteraan dunia iaitu prinsip untuk menegakkan prinsip tidak campur tangan dalam hal ehwal sesebuah negara yang lain dan juga

menghormati kedaulatan sesebuah negara. Ini adalah dua prinsip yang begitu penting dan dengan cara mencari penyelesaian mengenai Kampuchea kita juga mengharapkan dapat memberi notis kepada seluruh dunia bahawa dua prinsip ini haruslah ditegakkan oleh sesiapa sahaja dan buat selama-lamanya.

TV MALAYSIA—PENUBUHAN RANGKAIAN KETIGA

4. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk menubuhkan rangkaian ketiga televisyen negara untuk menyiarkan rancangan-rancangan dalam kesemua bahasa.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang Dipertua, soal mengadakan saluran ketiga pada masa ini masih lagi dalam peringkat perancangan awal. Satu kajian yang menyeluruh dan mendalam perlu dilakukan sebelum cadangan ini dapat dilaksanakan termasuk pandangan-pandangan yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ke dalam Dewan yang mulia ini.

KETUA JAWATANKUASA AKAUN

5. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sanggup melantikkan seorang ahli Parlimen Pembangkang sebagai Ketua dalam Jawatankuasa Akaun supaya memastikan Kerajaan dan ahli-ahlinya adalah bersih, cekap dan amanah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, mengikut peraturan 77 (2) Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Pengerusi dan Naib Pengerusi dilantik oleh Dewan ini sementara ahli-ahli yang lain dicalunkan oleh

Jawatankuasa Pemilih. Perdana Menteri tidak terlibat dalam perlantikan ahli-ahli itu.

PERKHIDMATAN PARLIMEN— HASIL KAJIAN MAMPU

6. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan hasil kajian yang dijalankan oleh MAMPU ke dalam pentadbiran Parlimen; sama ada Kerajaan akan membuka Perkhidmatan Parlimen yang tertutup kini supaya dapat memberi kakitangannya peluang yang adil dalam ertikata kenaikan pangkat dan karier perkhidmatan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perkhidmatan Parlimen bukanlah Perkhidmatan Awam mengikut Perkara 132 dalam Perlembagaan. Sungguhpun begitu Kerajaan telah meminta MAMPU mengadakan laporan berkenaan dengan Perkhidmatan Parlimen untuk memperkemaskan Pejabat Parlimen dan memperelokkan perkhidmatan kakitangan bagi ditimbang oleh Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen iaitu Badan yang mengendalikan Perkhidmatan Parlimen di bawah Akta Perkhidmatan Parlimen, 1963.

Salah satu cadangan yang dikemukakan oleh MAMPU ialah membuka pintu Parlimen untuk membolehkan pegawai-pegawai kecuai bagi 4 jawatan bertukar keluar menyandang lain-lain jawatan untuk kenaikan pangkat dan sebagainya. Cadangan ini telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen yang berpendapat bahawa cadangan-cadangan ini akan bercanggah dengan Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan Perkhidmatan Parlimen yang bebas. Oleh yang demikian cadangan ini tidak mungkin dilaksanakan melainkan

setelah dipinda Perlembagaan. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen telah mengeluarkan satu cadangan lain yang dibuat di bawah *Legal Notification* yang membolehkan Pegawai Perkhidmatan Parlimen meminta supaya dilepaskan daripada Perkhidmatan Parlimen untuk berkhidmat di tempat lain dalam urusan kenaikan pangkat atau memperluaskan pengalaman dalam lain bidang.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk melaksanakan syor-syor dan perakuan-perakuan MAMPU dan yang mustahaknya mengadakan satu kepimpinan pentadbiran Jabatan Parlimen diwujudkan atau satu kepimpinan yang benar-benar berkewibawaan dan berkaliber, dan kedua, sama ada satu syor MAMPU supaya diadakan satu Lembaga Rayuan yang boleh menimbangkan perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan kenaikan pangkat dan semua perkara-perkara appointment dalam Parlimen boleh diadakan satu peringkat rayuan?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, perakuan MAMPU itu sedang diberi pertimbangan aktif.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebut tadi bahawa cadangan MAMPU kemungkinan tidak dapat diterima. Tetapi jika sekiranya membolehkan pegawai-pegawai daripada Parlimen ini mendapat kenaikan pangkat di luar daripada Jabatan ini bermakna Parlimen ini akan mempunyai pegawai-pegawai yang tidak berpengalaman, tentulah di Jabatan Parlimen ini akan mengambil orang-orang yang baru dilantik ataupun mereka yang telah meletak jawatan di

jabatan-jabatan yang lain. Untuk mengatasi perkara ini, apakah Kerajaan hanya memperbanyakkan peluang-peluang kenaikan pangkat hanya di dalam Jabatan ini sahaja dengan menubuhkan cawangan-cawangan yang boleh menolong di dalam Parlimen ini dan juga memberi beberapa insentif di dalam perkhidmatan kerana Parlimen ini merupakan badan bebas yang boleh memberi galakan kepada pegawai-pegawainya supaya diberi perkhidmatan yang lebih baik kepada Parlimen.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, kita sedang mengkaji perakuan-perakuan yang dibuat oleh MAMPU itu dan perakuan itu adalah bertujuan untuk memperbaiki mutu perkhidmatan Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, oleh kerana ada tidak puas hati di kalangan kakitangan Jabatan Parlimen, oleh kerana komplek-komplek mereka di atas beberapa perkara belum dapat dilayani dan kecekapan dan kelicinan perjalanan Parlimen pun bergantung atas satu Perkhidmatan Parlimen yang memuaskan hati, bolehkah laporan MAMPU diedarkan kepada Ahli-ahli Parlimen supaya mereka pun boleh baca dan kaji dan mungkin boleh membuat syor-syor kepada PSAC atau kepada Kerajaan supaya perkara ini boleh diselesai dalam masa yang singkat.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, laporan MAMPU sebagaimana yang saya cadangkan sekarang ini dalam pertimbangan yang aktif untuk dilaksanakan di mana yang difikirkan sesuai. Barang diingatkan bahawasanya adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mempertingkatkan mutu Perkhidmatan Parlimen ini untuk kebaikan dan kelicinan perjalanan

Dewan yang kita tahu semua adalah dibantu oleh Perkhidmatan Parlimen ini. Jadi saya fikir tidak perlunya maka laporan itu diedarkan oleh kerana ia di dalam perhatian sekarang ini.

PENGGREDAN SEKOLAH

7. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah taraf sekolah-sekolah menengah dan rendah akan diperingkatkan semula memandangkan banyak sekolah-sekolah terutama di luar bandar yang sepatutnya dinaikkan grednya masih diletakkan di bawah gred lama dan sama ada beliau bercadang meminda syarat-syarat pemeringkatan ini untuk membolehkan sekolah-sekolah di luar bandar diletakkan di dalam kedudukan yang lebih baik oleh kerana masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah luar bandar adalah berbeza dari masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah di bandar.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang Dipertua, Kementerian telah pun memutuskan untuk melaksanakan penggredan sekolah-sekolah pada tiap-tiap tahun. Dalam rangka penggredan tiap-tiap tahun ini perlaksanaan penggredan ini telah dilakukan mulai 1hb Januari, 1982 bagi Semenanjung Malaysia. Pada awal tahun ini keputusan telah dibuat bagi menggredkan semula beberapa buah sekolah bagi dikuatkuasakan pada tahun 1983. Bagi tahun 1983, kriteria yang digunakan sekarang masih dikekalkan. Bahagian sekolah-sekolah dan Bahagian Perjawatan dan Perkhidmatan Kementerian Pelajaran sedang mengkaji kemungkinan untuk meminda kriteria pelaksanaan penggredan bagi tiap-tiap tahun berikutnya selaras dengan keperluan mewujudkan lagi jawatan-jawatan naik pangkat dalam perkhidmatan pelajaran.

Dalam kajian yang berkenaan unsur perbezaan antara sekolah-sekolah luar bandar dan bandar telah diambil perhatian bahkan dalam kriteria sekarang pun perkara ini diperhatikan. Bagaimanapun perlu diingatkan bahawa Kerajaan juga sedang meningkatkan semua jenis kemudahan di sekolah-sekolah luar bandar untuk mengseimbangkan kedudukan.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa pihak Kementerian Pelajaran memang mengadakan penggredan tiap-tiap tahun. Tetapi kriteria yang sekarang ini masih digunakan. Apakah kriteria yang dipakai sekarang ini?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, kriteria sekarang bergantung kepada jumlah murid, jumlah kelas dan jenis sekolah.

PENGURUSAN SYARIKAT KERJASAMA

8. Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) apakah program yang berkesan yang dirancang bagi mempertingkatkan kemampuan mengurus dan mentadbir sesebuah Syarikat Kerjasama di kalangan pemimpin-pemimpin Syarikat Kerjasama yang tidak cukup mendapat pengetahuan asas di bidang Pengurusan dan Pentadbiran terutama mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar;
- (b) adakah Kerajaan akan mempertingkatkan lagi usaha menubuhkan Syarikat-syarikat Kerjasama di kalangan murid-murid sekolah di seluruh negara, supaya amalan berjimat cermat dan tidak boros itu dapat

diterapkan ke jiwa mereka sejak dari kanak-kanak lagi; dan

- (c) adakah Kerajaan sudah mengambil tindakan yang tegas kepada mana-mana pihak yang cuba memeralatkan syarikat-syarikat Kerjasama untuk kepentingan diri sendiri. Jika ya, bolehkah tunjukkan contohnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang Dipertua, kursus-kursus berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan koperasi adalah dianjurkan dari masa kesemasa oleh Jabatan Pembangunan Koperasi dan Maktab Kerjasama. Kursus-kursus tersebut bukan hanya diadakan di Maktab Kerjasama sahaja tetapi juga diadakan di peringkat negeri-negeri atau daerah-daerah untuk membolehkan semua pihak hadir. Selain daripada itu jabatan juga dengan kerjasama Pusat Daya Pengeluaran Negara mengadakan kursus-kursus berkaitan dengan urusan-urusan kontrak. Pegawai-pegawai jabatan juga telah memberi perhatian istimewa kepada koperasi khususnya koperasi di luar bandar dalam khidmat nasihat. Hasil dari tekanan diberi berkaitan dengan kursus-kursus dan khidmat nasihat prestasi koperasi seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum telah pun meningkat. Dan Kementerian ini yakin prestasi yang baik ini akan memberi faedah dan keuntungan kepada ahli-ahli koperasi keseluruhannya. Dalam usaha mempertingkatkan lagi prestasi koperasi, Kementerian baru-baru ini telah melancarkan Institute of Cooperative Auditors. Dengan wujudnya ICA ini Kementerian yakin masalah yang ada kaitan dengan audit koperasi tidak lagi akan timbul di masa-masa akan datang.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memang berusaha mempertingkatkan lagi penubuhan koperasi di kalangan

murid-murid sekolah di seluruh negara. Pada masa ini sebanyak 355 buah koperasi sekolah telah pun didaftar dengan dianggotai oleh 150,000 orang murid-murid. Mengikut perancangan, semua sekolah menengah akan ditubuhkan koperasi menjelang akhir Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang Dipertua, prestasi koperasi sepertimana yang telah dijelaskan tadi adalah sedang meningkat. Walau bagaimanapun, usaha-usaha sedang dan akan dibuat untuk memperbaiki lagi tahap pentadbiran dan pengurusan supaya ahli-ahli koperasi dapat manfaat sepenuhnya. Koperasi telah mengadakan mesyuarat-mesyuarat agung tahunan mereka dan ramai ahli-ahlinya turut hadir. Ahli-ahli diberi peluang mengambil bahagian yang cergas dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut. Kementerian ini yakin melalui prestasi tersebut peluang-peluang untuk memperalatkan gerakan koperasi bagi satu-satu pihak akan dapat dihapuskan. Sungguhpun begitu jika Ahli Yang Berhormat sendiri atau Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulai ini ada maklumat-maklumat penyelewengan atau sebagainya dalam mana-mana koperasi Kementerian ini berharap dapat diberi maklumat-maklumat tersebut untuk membolehkan Kementerian ini bertindak.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tidak akan teragak-agak mengambil tindakan-tindakan atas mana-mana pihak yang didapati memperalatkan gerakan koperasi bagi kepentingan mereka sendiri.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat ada menyatakan bahawa prestasi koperasi sedang meningkat dan Jabatan Pembangunan Koperasi khususnya

sedang berusaha untuk meningkatkannya lagi.

Saya ingin bertanya adakah pihak Jabatan Pembangunan Koperasi dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sedar bahawa terdapat beberapa syarikat-syarikat kerjasama kilang padi terutamanya di daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam ditutup ataupun hampir-hampir ditutup dan kebanyakannya telah pun memberhentikan pekerja-pekerjanya kerana kerja-kerja mengilang telah diambil alih oleh Kilang-kilang LPN. Adakah pihak Kementerian menjalankan sesuatu usaha untuk membantu mereka ini ataupun terus menutupnya sahaja.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, masalah perjalanan kilang-kilang padi yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ialah masalah pengurusan kilang-kilang tersebut. Pihak Kementerian hanya mampu memberi nasihat dan jika terdapat penyelewengan dalam syarikat-syarikat tersebut maka pihak Kementerian bolehlah mengambil tindakan.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan bahawa kursus-kursus kepada pemimpin-pemimpin syarikat kerjasama ini bukan sahaja diadakan di Maktab Kerjasama tetapi juga di negeri-negeri. Saya ingin bertanya adakah yang dimaksudkan dengan negeri itu hanyalah diadakan di ibu-ibu negeri sahaja, katakanlah misalnya negeri Perak di Ipoh sahaja. Kalau ya, adakah Kerajaan bercadang untuk meluaskan ke daerah-daerah supaya membolehkan lebih banyak lagi peserta-peserta daripada syarikat-syarikat kerjasama ini menghadiri kursus dengan belanja yang agak kurang kalau dibanding dengan memusatkan pada satu tempat sahaja, kerana kita tahu salah satu faktor yang

boleh menjamin kelicinan dan kejayaan sesebuah koperasi itu ialah terdapatnya pengurusan dan pentadbiran yang cekap di kalangan pemimpin-pemimpin atau pegawai-pegawainya. Maka sebab itulah kita perlu memberi tekanan bahawa sebanyak mungkin pegawai-pegawai koperasi ini mestilah diberi kursus-kursus pengurusan dan pentadbiran bagi menjamin keutuhan koperasi di kawasan-kawasan terutamanya di luar bandar.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya telah jelaskan tadi kursus dalam segi pentadbiran dan pengurusan ini bukan sahaja dijalankan di Maktab Kerjasama yang ada di Petaling Jaya sahaja malahan juga diadakan di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah. Jikalauah Ahli Yang Berhormat berkenaan ingin supaya kursus diadakan untuk syarikat-syarikat koperasi-koperasi di kawasan Yang Berhormat, silalah berhubung dengan Kementerian kami.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian tadi nampaknya prestasi koperasi sedang meningkat maju selepas mendapat amaran daripada Yang Berhormat Menteri untuk mengadakan Mesyuarat Agung. Dan selepas itu Institute of Cooperative Auditors telah ditubuhkan di Malaysia. Ini adalah instituit yang pertama di dalam dunia. Apakah sebab-sebabnya instituit ini diwujudkan, adakah itu kerana koperasi-koperasi tidak menjalankan mesyuarat agong mereka?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, mungkin jawapan ini mengambil masa yang panjang sedikit.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat sekalian terdapat lebih kurang 1,501 buah koperasi yang

didaftarkan di bawah Jabatan Pembangunan Koperasi. Dan pada tiap-tiap tahun pihak Jabatan Pembangunan Koperasi hanya mampu mengauditkan akaun 600 buah koperasi sahaja dan lagi 250 dibantu oleh syarikat-syarikat swasta. Bermakna hampir 650 buah koperasi akaun-akaun mereka tidak dapat diaudit oleh Jabatan Pembangunan Koperasi. Itulah sebab diwujudkan Institute of Cooperative Auditors dengan harapan bahawa dalam sedikit masa lagi mungkin dua tiga tahun kita akan mengadakan auditor-auditor khasnya untuk mengauditkan koperasi-koperasi di seluruh negara.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menyatakan Kementerian beliau tidak teragak-agak mengambil tindakan terhadap sesiapa yang memperlakukan syarikat-syarikat kerjasama. Soalan saya melainkan membekukan syarikat-syarikat kerjasama yang berkenaan, apakah bentuk tindakan yang diambil terhadap mereka.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, selain daripada mengadakan penyelidikan yang ditubuhkan khas oleh Jabatan Pembangunan Koperasi pihak Kementerian boleh mengambil tindakan jika terdapat penyelewengan, umpamanya menyenaraikan nama-nama pegawai yang terlibat dalam sebuah buku supaya mereka tidak dibenarkan buat selama-lamanya memegang sebarang jawatan dalam mana-mana koperasi di negara kita.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang Dipertua, mulai awal tahun 1983 nanti ada suatu sistem yang diperkenalkan oleh Jabatan Koperasi di mana diwujudkan orang-tengah bagi menjalankan pemetongan dan menghantar wang-wang yang dipungut oleh jabatan-jabatan kepada Syarikat-syarikat Kerjasama. Pertanyaan saya adakah Yang Berhormat Setiausaha

Parlimen sedar bahawa dengan sistem yang begini terdapat banyak sungutan daripada koperasi-koperasi di mana mereka terpaksa membayar sebanyak 2% daripada hasil pungutan bagi tiap-tiap bulan kepada Angkasa iaitu orang-tengah yang saya katakan tadi.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, saya mohon supaya soalan ini dikemukakan secara bertulis supaya saya dapat menjawab.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Awang bin Jabar.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Awang bin Jabar tidak hadir).

INSTITIUT PENYELIDIKAN MINYAK KELAPA SAWIT MALAYSIA (PORIM)

10. **Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Perusahaan Utama menerangkan kejayaan yang dicapai dalam penyelidikan yang telah dibuat oleh PORIM mengenai:

- (i) pokok-pokok kelapa sawit yang tidak begitu tinggi, supaya mengurangkan kerumitan memotong buah;
- (ii) cara-cara mekanikal untuk memotong buah kelapa sawit; kerana kedua-dua langkah ini adalah mustahak untuk menyenangkan kerja-kerja memotong buah dan mengatasi masalah mendapat tenaga pekerja yang mencukupi.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis):

- (i) Institiut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) sedang menjalankan penyelidikan untuk mewujudkan pokok kelapa sawit yang rendah dari pengkacukkan jenis Amerika

Selatan dengan jenis Afrika dan juga jenis Afrika dengan Dumpy palm. Setakat ini PORIM telah berjaya mendapatkan hybrid baru, hasil daripada percubaan-percubaan tersebut dan sedang menilaikan potensi hybrid baru tersebut dari segi pertumbuhan dan pengeluaran. Untuk menjawab soalan yang kedua.

- (ii) PORIM sekarang sedang menguji sejenis penggalah (prototype harvesting pole) dan pisau yang dibuat daripada aluminium khas. Penggalah yang sedang diuji ini adalah kuat dan ringan dan mudah digunakan semasa memetik buah kelapa sawit. Selain daripada itu PORIM juga sedang menilai beberapa jenis mesin pemetik buah kelapa sawit yang ada di pasaran untuk menentukan kesesuaiannya.

WANG COMPOUND YANG DIPUNGUT

11. **Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa banyak jumlah 'wang compound' yang dipungut dari hasil tindakan pegawai-pegawai penguatkuasa JPJ di Kelantan yang bermula pada pertengahan tahun ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang Dipertua, jumlah 'wang compound' yang telah dipungut oleh Pejabat Pengangkutan Jalan Negeri Kelantan mulai daripada pertengahan tahun ini (iaitu dari bulan Jun) hingga bulan September adalah sebanyak \$28,326.00.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir).

PEMBORONG BUMIPUTERA— KEMAJUAN

13. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian tersebut bagi meningkatkan lagi kemajuan pemborong Bumiputera dan sejauh mana kejayaan dicapai setakat hari ini mengikut kelas pemborong.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya memberi segala perhatian perlu serta pertolongan yang sedaya untuk membimbing serta meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam bidang pemborongan sejajar dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru. Di antara langkah-langkah yang telah diambil bagi meningkatkan kemajuan kontraktor Bumiputera ialah:

- (a) Memberi latihan teknik dan pengurusan melalui kursus dan ceramah yang dianjurkan dari masa ke semasa.
- (b) Memberi khidmat nasihat kepakaran kepada mereka yang menghadapi masalah-masalah dalam mengendalikan kerja-kerja pemborongan.
- (c) Pada awal tahun ini, Kerajaan telah melancarkan Skim Usahasama dan Skim "Cost Plus".
- (d) Memberi peluang peningkatan kenaikan kelas pendaftaran kepada mereka yang telah menunjukkan prestasi yang baik serta membuktikan kemampuan.
- (e) Kementerian saya juga sedang berusaha untuk mendapat peruntukan khas bagi melancarkan skim "Akaun Amanah" bagi tujuan memberi

bantuan modal yang berpatutan kepada kontraktor Bumiputera yang berpotensi. Adalah dijangka skim ini akan dapat dilancarkan tidak berapa lama lagi.

Dari satu kajian yang telah dilakukan, Kementerian saya mendapati peratusan pencapaian oleh Kontraktor Bumiputera mengendalikan kerja-kerja yang ditawarkan dalam tahun 1980 dan 1981 adalah seperti berikut:

- (i) *Bagi Kontraktor Bumiputera Kelas C ke atas:*

37.32% berjaya menyiapkan kerja dalam tempoh kontrak. 27.61% masih dalam pelaksanaan dan dijangka siap mengikut tempoh kontrak.

31.3% yang menghadapi masalah; akan tetapi dipercayai mereka akan berupaya untuk menyiapkan kerja-kerja itu dengan pertimbangan lanjutan masa.

Hanya 3.73% sahaja yang telah dimansuhkan kontrak.

- (ii) *Bagi Kontraktor Bumiputera Kelas D dan ke bawah:*

26.5% berjaya menyiapkan kerja dalam tempoh kontrak.

61.0% berjaya menyiapkan kerja mereka dalam tempoh kelulusan lanjutan masa yang munasabah.

6.5% daripada mereka yang sedang menghadapi masalah dan hanya 6.0% sahaja yang telah dimansuhkan kontrak.

Prestasi yang ditunjukkan oleh Kontraktor Bumiputera di tanah air kita adalah menggalakkan dan telah membuktikan suatu peningkatan kemampuan mereka untuk lebih berdikasi. Hasil dari penglibatan aktif dan peningkatan prestasi yang ditunjukkan, seramai 92 orang

kontraktor telah diberi kelulusan dinaikkan kelas dalam pendaftaran pemborongan dengan Jabatan Kerja Raya.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah peluang bagi kontraktor-kontraktor yang bukan bumiputera setelah Kerajaan meningkatkan lagi kemajuan bumiputera.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, kontraktor-kontraktor bukan bumiputera pun telah menerima beberapa pertolongan daripada Kementerian saya. Walau bagaimanapun, untuk memberi makluman kepada Ahli Yang Berhormat kontraktor-kontraktor bukan bumiputera telah mempunyai beberapa banyak pengalaman dalam bidang ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri untuk menjaga nama baik kontraktor bumiputera ini adakah Kementerian mempunyai rekod-rekod kerja yang telah dijalankan atau dijayakan oleh tiap-tiap syarikat atau tiap-tiap kontraktor bumiputera tersebut dan apakah pihak Kerajaan mempunyai rekod beban kerja tiap-tiap kontraktor bumiputera yang masuk tender itu sebelum ditawarkan satu-satu tender yang baharu supaya projek yang diberi kepada bumiputera ini tidak terbenkakai.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, seperti apa saya jelaskan tadi ialah satu kajian daripada rekod-rekod berada di dalam Kementerian saya, sebab itu jugalah baru sebentar tadi dalam jawapan saya, saya telah memberi beberapa keputusan atas kegiatan-kegiatan kontraktor bumiputera.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Yang

Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa ada dua skim iaitu Skim Usahasama dan Scheme Cost Plus. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan dengan lebih lanjut lagi?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, Skim Usahasama iaitu skim tersebut merupakan rancangan insentif untuk memberi latihan dan segala bimbingan kepada kontraktor bumiputera dalam mengendalikan projek. Skim ini hanya akan melibatkan kontraktor bumiputera yang berdaftar dalam Kelas D ke bawah kerana Kementerian ini berpendapat bahawa kontraktor dalam Kelas D ke bawah perlu diberi bimbingan untuk membolehkan meningkat ke kelas yang lebih tinggi. Latihan dan bimbingan yang dimaksudkan ialah:

- (a) Mengajar cara membuat perkiraan anggaran ke atas projek yang tawaran dibuat berdasarkan senarai bahan (bill of quantity).
- (b) Bantuan kewangan untuk mereka di mana cara-cara akaun kewangan yang betul akan diajar.
- (c) Kemudahan bahan-bahan binaan yang akan disediakan oleh mereka dan persediaan charter keperluan bahan-bahan bagi memastikan bahan-bahan ditempah dan diterima sejajar dengan kemajuan projek akan juga diajar.
- (d) Membantu kontraktor menyusun jadual kemajuan kerja supaya selaras dengan jadual yang dikehendaki oleh jabatan pelanggan.

Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam khususnya Bahagian Penyertaan Bumiputera dan Kontrak akan membantu dalam hal ini.

Di samping itu, lawatan-lawatan ke tapak binaan juga akan sering dilakukan. Sebanyak 12 projek telah dikenalpasti dan telah disenaraikan di bawah skim ini iaitu Skim Usahasama. Bilangan projek akan ditambah berdasarkan kepada keperluan.

Untuk memberi penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Scheme Cost Plus, skim ini pula melibatkan kontraktor bumiputera yang berdaftar dalam Kelas C ke atas. Sebanyak 6 projek telah ditentukan. Pengawasan lebih teratur akan dibuat ke atas projek yang dikelolakan di bawah skim tersebut.

Kedua, meningkatkan kelas juga. Bilangan kontraktor-kontraktor yang naik kelas mengikut skim dalam tahun 1977 hingga September, 1982 adalah seperti berikut:

Dari Kelas EX kepada Kelas C ..	2
Dari Kelas E kepada Kelas C ..	5
Dari Kelas D kepada Kelas C ..	23
Dari Kelas D kepada Kelas BX ..	4
Dari Kelas D kepada Kelas B ..	3
Dari Kelas D kepada Kelas A ..	1
Dari Kelas C kepada Kelas BX ..	20
Dari Kelas C kepada Kelas B ..	5
Dari Kelas C kepada Kelas A ..	1
Dari Kelas BX kepada Kelas B ..	9
Dari Kelas BX kepada Kelas A ..	6
Dari Kelas B kepada Kelas A ..	13

Oleh itu, jumlah kontraktor bumiputera yang terlibat di dalam peningkatan kelas dalam tempoh tersebut ialah sebanyak 92 kontraktor setakat ini. Pertimbangan kenaikan kelas adalah dibuat mengikut skim-skim yang saya sebut tadi berasaskan prestasi dan nilai kerja yang telah dilaksanakan dengan memuaskan. Bagi kelas-kelas yang lebih rendah ianya adalah di bawah Jabatan Kerjaraya Negeri masing-masing.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang Dipertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi telah

menyatakan ada 4 langkah yang telah dibuat untuk meningkatkan kebolehan dan kemampuan kontraktor-kontraktor bumiputera. Yang kita tahu ada banyak kontraktor-kontraktor luar negeri yang mendapat tawaran kerja di negara ini yang besar-besarnya, beratus juta ringgit, seperti Kompleks Dayabumi, Kompleks Jambatan Pulau Pinang dan sebagainya. Adakah Kerajaan bercadang supaya memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor bumiputera ini menjadi sub-kontraktor kepada kontraktor-kontraktor dari luar negeri terutama daripada Korea dan Jepun?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya bukan sahaja mempercadang tetapi telah mengambil beberapa tindakan untuk menentukan di tiap-tiap kontrak terbesar seperti apa Yang Berhormat kata tadi iaitu Jambatan Pulau Pinang, kita telah menentukan 30% kontraktor itu telah diberi kepada orang di negara kita dan syarat ini dikenakan kepada semua kontraktor dari luar negeri. Jikalau mereka tidak mematuhi syarat ini habislah mereka tidak boleh dapat kerja di dalam tanahair kita lagi (*Ketawa*).

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Terdapat kegagalan kontraktor bumiputera disebabkan kekurangan bahan binaan, kalau dapat pun harganya mahal. Adakah Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam bercadang bagi membantu bumiputera ini dalam hal kerja-kerja kontrak ini membekalkan barang-barang ini dengan harga yang berpatutan?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, kontraktor-kontraktor bumiputera yang telah menghubungi dengan Kementerian saya atas masalah kekurangan bahan-bahan atau harganya, Kementerian saya iaitu Bahagian Penyertaan Bumiputera dan Kontrak telah mengambil beberapa

tindakan untuk menyelesaikan masalah mereka. Tetapi siapa yang tidak hubung, tidak payah cakaplah (*Ketawa*). Itu sahajalah.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basari: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut Yang Berhormat Menteri memanglah banyak usaha-usaha Kementerian bagi meningkatkan prestasi kontraktor bumiputera termasuklah lathan teknik, khidmat nasihat, skim usahasama, meningkatkan kelas, peruntukan kelas dan sebagainya. Tetapi adalah menjadi pengetahuan umum bahawa kontraktor-kontraktor bumiputera ini pada awalnya begitu maju dalam semua kelas, tetapi sampai ke satu peringkat ramai di antara mereka ini bukan sahaja gagal, ada yang terus bankrup. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan, mengikut kajian Kementerian beliau, apakah sebab-sebabnya perkara ini berlaku. Adakah sesuatu kita panggil daripada segi bahannya, artificial shortage ataupun adakah satu-satu sabotaj yang berlaku mengikut kajian Kementerian ini?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, untuk memberi makluman kepada Ahli Yang Berhormat saya telah memberi keterangan kepada Dewan ini beberapa kali yang lalu. Masalah-masalah yang dihadapi oleh kontraktor-kontraktor bumiputera—iaitu bukan sekarang, lebih kurang satu tahun yang lalu—iaitu yang pertamanya, masalah kewangan, yang kedua, kekurangan bahan-bahan binaan, yang ketiga, pengalaman. Tetapi masa ini seperti apa yang saya katakan tadi tidak ada beberapa masalah yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi suka saya memberi sedikit penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat, bukanlah kontraktor-kontraktor bumiputera di negara kita sahaja menghadapi masalah walaupun kontraktor-kontraktor antarabangsa dengan lebih pengalaman pun ada juga

menghadapi masalah yang sama dan mereka pun bankrup juga dan saya ada menyimpan satu senarai yang terbesar kontraktor-kontraktor antarabangsa yang telah menghadapi masalah kewangan dan juga bankrup. Dengan itu, saya harap jugalah taraf kontraktor bumiputera di negara kita sekarang saya boleh kata dia bagus, boleh percaya dan boleh dikatakan tarafnya sudah naik dan saya berpuas hati (*Tepuk*).

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah benar Kementerian Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam bercadang hendak memberikan semua kerja-kerja yang besar secara 'turnkey' kepada syarikat-syarikat besar terutama sekali luar negeri disebabkan kelambatan sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor bumiputera terutama sekali di Kedah dan di Johor. Kalau benar mengapa dan kalau tidak bagaimana caranya JKR membenarkan kontraktor-kontraktor bumiputera dalam Kelas A, B, C seperti mana yang disebutkan tadi?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, seperti apa yang saya jelaskan tadi, walaupun secara turnkey atau tidak turnkey tiap-tiap kontrak mesti kita menentukan 30% kepada kontraktor-kontraktor tempatan. Itu saya bagi akuan kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Datuk Edwin Anak Tangkun.

(Soalan No. 14 Y.B. Datuk Edwin Anak Tangkun tidak hadir).

DASAR PANDANG KE TIMUR— LATIHAN

15. Tuan Ng Cheng Kuai minta Perdana Menteri menyatakan bilangan

peserta Malaysia di bawah skim "pandang ke Timur" yang sedang menjalani latihan di Jepun dan menyatakan angka-angka matlamat bagi 1983, 1984 dan 1985.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, bilangan peserta Malaysia di bawah Skim Pandang ke Timur yang sedang menjalani latihan di Jepun sekarang ini ialah 135 orang pelatih untuk latihan perindustrian. Matlamat bagi tahun 1983 ialah untuk menghantar 492 pelatih bagi tujuan latihan perindustrian dan matlamat bagi tahun 1984 adalah 43 orang pelajar untuk mengikuti kursus akademik manakala matlamat bagi tahun 1985 sedang dalam pertimbangan.

KETUA JABATAN HOSPITAL KERAJAAN MENGIKUT KAUM

16. **Dato' Lee Kim Sai** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan dan pecahan kaum yang sedang berkhidmat sebagai ketua jabatan di semua hospital Kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' Lee Boon Peng): Tuan Yang Dipertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa terdapat 16 orang Bumiputera, 22 orang Cina, 53 orang India dan 4 orang bukan warganegara yang sedang berkhidmat sebagai Ketua Jabatan di hospital-hospital Kerajaan.

TARIAN TRADISIONAL KAUM-KAUM

17. **Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apa sebabnya pertunjukan tarian-tarian tradisional pelbagai suku kaum diharam dan diarahkan berubah coraknya menjadi perarakan ketika barisan-barisan itu lalu di hadapan panggong pemeriksaan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, pertunjukan-pertunjukan tarian tradisional berbagai kaum tidak pernah diharamkan. Jika Yang Berhormat maksudkan Hari Kebangsaan yang lalu, maka sukalah saya mengatakan semua jenis tarian-tarian terpaksa dibatalkan dalam perarakan sebab kesuntukan masa.

Tuan Yang Dipertua: Soalan yang pertama, Yang Berhormat Tuan Abdul Rahman bin Suliman.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang Dipertua, soalan Nombor 1.

KAMPUNG-KAMPUNG TRADISIONAL— KEMUDAHAN KERAJAAN

1. **Tuan Abdul Rahman bin Suliman** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak kampung-kampung tradisional yang perlu mendapat perhatian Kementerian. Jika sedar apakah langkah-langkah konkrit yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian ini bagi memastikan kampung-kampung tradisional dapat mengesap lebih banyak lagi kemudahan Kerajaan di masa-masa yang akan datang.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, saya sedar bahawa banyak kampung tradisional yang perlu mendapat perhatian Kementerian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, atas kesedaran ini Kerajaan telah pun melaksanakan banci klasifikasi kampung pada tahun 1978-1979 bagi mengklasifikasikan kampung-kampung di Malaysia. Hasil daripada banci tersebut Kerajaan telah mengklasifikasikan kampung-kampung kepada tiga jenis:

- (1) Kampung tradisional berasaskan pertanian.
- (2) Kampung nelayan.

- (3) Kampung campuran tradisional berasaskan pertanian dan nelayan.

Di antara tujuan mengklasifikasikan kampung-kampung tersebut adalah untuk memudahkan perancangan dan penggumbalan program dilaksanakan di kampung-kampung yang berkenaan sesuai dengan kumpulan matlamat masing-masing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan kampung-kampung di atas bukanlah semata-mata menjadi tanggungjawab Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sahaja tetapi adalah menjadi tanggungjawab pelbagai Kementerian dan Jabatan termasuklah Kerajaan Negeri sendiri. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sendiri mempunyai program-program khusus bagi membangun kampung-kampung tradisional seperti menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air, membolehkan kemudahan asas infrastruktur kampung dan melaksanakan projek-projek bagi menambahkan pendapatan seperti menyediakan projek-projek industri kampung dan kraftangan.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup. Saya tak benarkan soalan tambahan.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9, 12 dan 14 adalah diberi di bawah ini).

PENGENEMIS— MENCEGAH KEGIATAN

Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Kebajikan Am menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kegiatan-kegiatan pengemis di negara ini.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Untuk mencegah kegiatan mengemis di negara ini, Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat sentiasa menjalankan usaha untuk mengurangkannya termasuklah mengadakan serbuan dari masa ke masa. Semenjak bulan Januari hingga Jun tahun ini pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat telah menjalankan 318 serbuan dan dalam serbuan-serbuan ini seramai 394 orang pengemis telah dimasukkan dalam jagaan mengikut Akta Orang-orang Papa, 1977. Seramai 207 orang dimasukkan ke pusat pemulihan pengemis dan 47 orang dimasukkan ke Rumah Orang-orang Tua biasa.

Untuk mencegah orang-orang tua miskin yang tidak ada mata pencarian tertentu daripada mengemis, Kementerian Kebajikan Am mengadakan satu skim bantuan bulanan untuk membantu mereka. Bagi tahun 1982 peruntukan sebanyak 4.1 juta ringgit telah diperolehi untuk membantu seramai 8,232 orang tua. Kementerian saya juga menyediakan tempat perlindungan di Rumah Orang-orang Tua untuk orang-orang tua yang tidak ada tempat tinggal. Pada tahun 1981 seramai 303 orang tua telah dimasukkan secara sukarela ke Rumah Orang-orang Tua.

Tuan Yang Dipertua, sepertimana yang pernah ditegaskan dalam Dewan ini sama ada masalah pengemis ini dapat diatasi keseluruhannya atau tidak sebahagian besarnya bergantung kepada kerjasama dari orang ramai; jika sekiranya orang ramai begitu mudah memberi sedekah kepada siapa sahaja yang mengemis masalah ini sangat sukar untuk dihapuskan. Kementerian Kebajikan Am telah mengadakan kempen menerusi media massa dengan tujuan sedikit sebanyak akan dapat mengubah sikap orang ramai supaya tidak begitu mudah memberi sedekah kepada pengemis.

Saya berharap kempen itu mendapat sambutan yang baik.

PERKHIDMATAN POS— MEMBAIKI

12. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar tentang kelewatan surat-surat sampai ke destinasiya misalnya sepucuk surat memanggil untuk temuduga tiba sehari selepas temuduga diadakan dan sepucuk surat yang diposkan di Kuala Terengganu untuk ke destinasi di Kuala Terengganu juga mengambil masa enam hari untuk sampai, dan jika ia, nyatakan tindakan yang diambil oleh Kementerian ini untuk memperbaiki keadaan ini supaya ia tidak melencong dari objektif Kerajaan untuk mencapai satu perkhidmatan yang bersih, cekap dan amanah.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Suka saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa saya sedar tentang kelambatan surat-surat sampai ke destinasiya, tetapi ini merupakan kejadian-kejadian yang terpencil sahaja. Walau bagaimanapun, tindakan sentiasa dan akan terus diambil untuk memperbaiki lagi kecekapan perkhidmatan mel ke seluruh negara.

Adalah menjadi amalan Jabatan Pos untuk menjalankan siasatan rapi ke atas kes-kes kelewatan seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan itu, dengan cara mendapatkan sampul-sampul surat berkenaan dan tarikh sebenar surat-surat itu diterima.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua pihak yang menggunakan perkhidmatan pos supaya mematuhi peraturan-peraturan dan cara-cara

yang betul apabila menghantar surat-surat mereka, iaitu seperti berikut:

- (a) menulis alamat di sampul surat dengan jelas dan tepat;
- (b) memastikan alamat ditulis pada bahagian tengah sampul surat dan mengosongkan ruang sebelah atas untuk tempat melekatkan setem;
- (c) menggunakan kualiti sampul surat yang baik yang tidak mudah koyak;
- (d) mengelakkan daripada menggunakan 'staples' pada surat oleh kerana ini akan merosakkan mesin pembatalan setem;
- (e) mengepos surat secepat mungkin dan tidak di sebelah petang;
- (f) mengepos surat pada hari yang sama ianya ditulis supaya cap tarikh pada sampul surat adalah sama dengan tarikh yang tercatat pada surat berkenaan. Dalam hal ini, institusi-institusi besar swasta dan Kerajaan khususnya perlulah mengesahkan bahawa surat-surat diposkan pada hari surat-surat tersebut ditandatangani bagi memastikan penyerahan segera.

Dengan itu, saya percaya sekiranya cara-cara yang saya sebutkan tadi diikuti sepenuhnya, tugas Jabatan Pos untuk memproses surat-surat dapatlah dilakukan dengan lebih sempurna dan pantas dan akan dapat mengurangkan masalah kelewatan berkenaan.

JURURAWAT PELATIH— BILANGAN

14. Datuk Edwin anak Tangkun minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan jururawat-jururawat pelatih yang telah diambil bagi tahun 1980 dan 1981 dengan memberikan pecahan

mengikut kaum bagi setiap tahun tersebut.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Bilangan jururawat pelatih yang diambil bagi tahun 1980 mengikut pecahan kaum ialah 397 orang Melayu, 150 orang Cina, 56 orang India dan 80 orang bangsa-bangsa lain. Bagi tahun 1981 pula, seramai 333 orang Melayu, 75 orang Cina, 43 orang India dan 116 orang bangsa-bangsa lain telah diambil sebagai jururawat pelatih.

USUL-USUL

MENARIK BALIK RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN (PINDAAN), 1982

3.36 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Menurut Peraturan Mesyuarat 62 Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan), 1982 ditarik balik.

Sejak membentangkan Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) 1982 untuk bacaan kali yang pertama di Dewan yang mulia ini, Kerajaan telah menerima beberapa teguran dan cadangan daripada orang-orang awam, Kerajaan telah menimbang-cadangan-cadangan ini dan melihat semula kepada Akta Pertubuhan, 1966 dengan secara menyeluruh. Selepas berbuat demikian, Kerajaan telah memutuskan supaya Akta Pertubuhan, 1966 itu diubahsuai peruntukan-peruntukannya supaya sejajar dengan keadaan semasa serta sikap liberal Kerajaan sekarang. Akta Pertubuhan 1966 itu telah pun digubal untuk mengatasi masalah-masalah kongsi gelap, kegiatan subversif dan pertubuhan faedah bersama yang wujud pada masa itu. Keadaan

masyarakat telah pun bertukar sejak itu dan beberapa peruntukan di dalamnya tidak lagi wajar dipakai di masa sekarang.

Perlu saya tegaskan di sini bahawa walaupun Kerajaan berusaha mewujudkan sikap liberal ini tidak bermakna Kerajaan akan bertolak ansur atas beberapa isu penting yang menyentuh undang-undang dan peraturan bersabit dengan pendaftaran pertubuhan.

Di dalam rangka undang-undang baru ini Kerajaan akan mengambil kira teguran-teguran dan cadangan-cadangan dari semua pihak yang mengenainya. Berkemungkinan juga bahawa kajian ini akan melibatkan banyak pindaan baru yang perlu dibuat pada Akta Pertubuhan 1966 itu dan adalah tidak sesuai pindaan-pindaan ini dibuat dengan secara meminda Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan), 1982 di peringkat Jawatankuasa. Adalah lebih wajar jika Rang Undang-undang baru dibentangkan pada mesyuarat yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul di bawah nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa Rang Undang-undang Pertubuhan, (Pindaan), 1982 ditarik balik.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan), 1982 ditarik balik.

**WAKTU MESYUARAT DAN
URUSAN YANG DIBEBAHKAN
DARIPADA PERATURAN
MESYUARAT**

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12,

Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam.

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG ODIT
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Odit 1957; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
BANK ISLAM**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini

dibacakan kali yang kedua sekarang." (7hb December, 1982).

Tuan Yang Dipertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Batang Padang menyambung ucapan.

3.38 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdül Rahim (Batang Padang): Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyambung ucapan saya semalam sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa rakyat negara ini khususnya ummat Islam sewajarnya bersyukur dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas langkah penubuhan Bank Islam yang dimaksudkan. Sungguhpun telah banyak pandangan yang dikeluarkan di dalam Dewan yang mulia ini baik dari pihak Kerajaan ataupun pihak Pembangkang (PAS) pada keseluruhannya adalah menyokong penubuhan Bank Islam ini demi kepentingan kebajikan dan kesejahteraan rakyat di negara ini. Dan saya tidak nampak mengapa kiranya wujud rakyat atau sesuatu golongan yang ingin menentang usaha Kerajaan yang suci dan murni ini kecuali orang-orang yang keliru dan mengelirukan. Penubuhan Bank Islam ini adalah merupakan suatu penyelesaian dalam urusan muamalah iaitu urusan hubungan manusia sesama manusia di dalam perkara yang mengikut harta.

Tuan Yang Dipertua, umat manusia mengikut landasan tradisi hidupan didunia ini yang sudah dipraktikkan dalam zaman empayar Islam yang lalu. Penubuhan Bank Islam adalah merupakan suatu usaha menghidupkan kembali suatu asas tradisi keagamaan kita demi untuk mengatur langkah ke arah menyemarakkan lagi sosio-budaya, sosio-ekonomi, dan sosio-politik yang diberkati oleh Allah.

Umat Islam di negara kita ini berasa bangga sedikit demi sedikit apa jua bidang-bidang yang berunsurkan Islam

akan dibawa ke Parlimen dan dari satu masa ke satu masa akan dilaksanakan di negara yang kita cintai ini.

Saya teringat satu cerita yang telah saya baca beberapa lama dahulu iaitu di zaman Kamal Atatürk iaitu pembangun negara Turki, seorang pujangga Islam bernama Badiozaman Syed Nasri iaitu seorang pendakwah yang telah dipenjarakan beberapa kali dan dihadapkan ke mahkamah. Waktu beliau didakwa beliau telah berkata walaupun aku ditakdirkan Allah masuk ke neraka, aku merasa bahagia kalau aku sudah melihat hukum Allah di bumi ini dan kalau aku tidak sempat melihat hukum Allah dijalankan di bumi ini, walaupun aku dimasukkan ke syurga, tetapi aku tersiksa, itulah katanya.

Tuan Yang Dipertua, setakat ini mungkin masih ramai yang tidak dapat melihat faedah-faedah dan kebaikan dari penubuhan Bank Islam ini oleh kerana terdapatnya berbagai kekeliruan tentang kedudukan kepentingan mereka yang disangkakan akan tergugat. Walau bagaimanapun, saya percaya apabila Bank Islam ini berjalan kelak, berbagai eksploitasi dalam bentuk riba, terutama sekali kadar bunga yang tinggi yang merupakan penindasan kepada rakyat umum, akhirnya eksploitasi jenayah itu akan terhapus.

Tuan Yang Dipertua, dari segi pemikiran yang waras, penubuhan Bank Islam ini memang tidak boleh ditolak oleh sesiapa rakyat dalam negara ini. Dengan wujudnya Bank Islam ini, kita akan melihat suatu sistem yang meletakkan dan menguruskan masalah kewangan pada tempat yang sewajarnya. Islam melihat segala harta termasuk kewangan adalah merupakan amanah dan bukan milik mutlak bagi manusia, yakni alat yang diamanahkan dan akan wujud suatu, dengan izin, accountability di kemudian hari kelak. Oleh yang demikian, sebagai umat Islam yang

menyedari hakikat dan persoalan ini, sudah sewajarnya penubuhan Bank Islam ini diwujudkan dan disokong oleh setiap insan yang menyedari bahawa peranan manusia yang sementara di muka bumi ini adalah sebagai khalifah atau duta untuk memakmurkan dunia ini.

Tuan Yang Dipertua, selanjutnya, saya ingin memberi amaran bahawa selagi dan selama Bank Islam ini berjalan berdasarkan fungsi-fungsi dan landasan-landasan yang sewajarnya, tidak ada siapa pun yang berhak mengkhianati Bank Islam ini. Namun demikian, sesiapa yang bersikap degil dan haloba sehingga sanggup mengkhianati Bank Islam ini, bererti mereka itu sengaja mencari malapetaka untuk selama-lamanya.

Tuan Yang Dipertua, dalam menentukan kejayaan Bank Islam ini, saya ingin memberikan pandangan saya sedikit lagi iaitu tentang modal yang diluluskan sebanyak \$500 juta itu patutlah dikaji semula supaya ditambahkan lebih banyak lagi umpamanya harus dimula dengan sekurang-kurangnya \$1 billion. Pandangan saya tadi adalah memandangkan bahawa amalan yang dihadapi oleh umat di negara ini begitu besar dan banyak yang mendesak atau memerlukan keutamaan. Memanglah kita tidak mungkin menghadapi masalah itu keseluruhannya dengan cepat atau sekali gus, tetapi sekiranya modal yang diluluskan dan juga modal yang dibayar disediakan dengan angka yang dapat menjamin kekukuhan Bank Islam tersebut, mungkin kita dapat memberikan perkhidmatan yang lebih luas yang meliputi berbagai-bagai bidang.

Tuan Yang Dipertua, Bank Islam akan menjalankan operasinya mengikut konsep-konsep urusniaga seperti yang tertentu ditetapkan oleh Syarak. Dalam hal ini saya suka menarik perhatian Menteri berkenaan iaitu Yang Berhormat Mulia Menteri

Kewangan berkenaan dengan perumahan. Kerajaan telah pun menetapkan 30% hendaklah diuntukkan kepada bumiputera jika syarikat perumahan swasta mendirikan rumah. Kita semua sedia maklum iaitu adalah sukar untuk bumiputera hendak membayar harga rumah yang disediakan oleh syarikat swasta itu. Jika quota 30% itu tidak dipenuhi oleh bumiputera, maka hilanglah peruntukan bumiputera itu. Oleh itu, saya mencadangkan jika sekiranya quota yang 30% itu masih belum dipenuhi maka Bank Islam hendaklah membeli rumah-rumah itu, kemudian menjualkan rumah-rumah itu kepada orang-orang Islam yang mampu dan diutamakan kepada mereka yang belum mempunyai rumah.

Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan pakar-pakar yang menguruskan pentadbiran Bank Islam ini pula, saya berpendapat bahawa mungkin lebih bermanfaat lagi sekiranya kita dapat mempelawa beberapa orang tokoh-tokoh Islam di peringkat antarabangsa yang dapat memberikan kerjasama secara langsung dengan Jemaah Pentadbir Bank Islam ini. Dengan adanya tokoh-tokoh antarabangsa di dalam Bank ini, saya percaya perjalanan dan kedudukan Bank Islam ini kelak tentulah akan lebih kukuh, menyakinkan dan lebih-lebih penting lagi dihormati oleh setiap orang sama ada rakan ataupun sebaliknya.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya, sebagai mengakhiri ucapan saya ini, saya menyeru setiap umat Islam dalam negara ini marilah kita sama-sama berdoa semoga dengan penubuhan Bank Islam ini maka sesuaiilah dengan ayat Al-Quran Surat Al Baqarah 275 yang bermaksud: "padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba".

Akhirnya, saya semalam telah berdoa, marilah kita bersama-sama berharap supaya barang-barang yang

haram tidak ada meliputi di tubuh badan kita dan menjadilah apa yang difirmankan oleh Allah yang bermaksud: "Hai jiwa yang tenang. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi diridhaiNya. Maka masuklah ke dalam jemaah hamba-hambaku. Dan masuklah kamu ke dalam syurgaKu".

Sekian saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima Kasih.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Balik Pulau.

5.08 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Bank Islam yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada petang semalam.

Saya ucapkan alhamdulillah sebanyak syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan kehendak dan izinNya maka Kerajaan kita di bawah pimpinan 2M dan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah dapat membentangkan Akta Bank Islam di negara kita Malaysia yang tercinta ini.

Sesungguhnya penubuhan Bank Islam di negara kita Malaysia adalah satu bukti yang jelas bahawa Kerajaan sekarang benar-benar dan serius hendak menerapkan ajaran dan hukuman Islam dalam kehidupan seharian umat Islam khususnya dan rakyat Malaysia amnya. Selain dari itu penubuhan Bank Islam ini juga patutlah dijadikan satu contoh bahawa agama Islam itu bukannya terhad kepada ibadat yang mengenai akhirat semata-mata, bahkan ianya adalah satu cara hidup yang mempunyai peraturan-peraturan yang meliputi semua kegiatan hidup manusia di dunia ini.

Tuan Yang Dipertua, sebenarnya cita-cita dan hasrat hendak

mewujudkan sebuah Bank Islam sudah lama terpendam di lubok hati umat Islam di negara ini tetapi cita-cita itu hanya tinggal cita-cita dan tidak pernah menjadi kenyataan dan hasrat itu terpendam begitu sahaja kerana selama ini tidak ada inisiatif yang diambil oleh mana-mana pihak ke arah penubuhannya. Ketiadaan minat untuk menubuhkan Bank Islam selama ini kerana kebanyakan mereka yang berkecimpung dalam bidang tersebut, termasuk para pemimpin kita tidak yakin bahawa bank yang bercorak Islam boleh dipraktikkan bagi mengendalikan urusan ekonomi orang-orang Islam, lebih-lebih lagi urusan ekonomi negara ini. Boleh dikatakan hampir semua negara di dunia ini mengamalkan sistem bank yang membayar dan menerima faedah. Oleh sebab sistem bank yang wujud sekarang ini telah berjalan begitu lama dan menjadi sebatih dalam sistem ekonomi negara kita dan dunia, maka kesimpulan telah dibuat oleh pakar-pakar ekonomi dunia, termasuk pakar-pakar ekonomi Islam bahawa sistem bank yang diamalkan sekarang ini adalah yang terbaik dan tidak ada pilihan (alternative) bagi menggantikannya.

Tuan Yang Dipertua, bagi saya memang Kerajaan menubuhkan Bank Islam ini adalah satu langkah yang berani kerana pada pandangan saya risikonya sangat besar, namun demikian percubaan (experiment) yang kita lakukan ini mestilah dengan apa cara sekalipun seboleh-bolehnya dijayakan juga, insya Allah. Oleh yang demikian adalah menjadi kewajipan setiap umat Islam di negara ini, tidak kira apa juga fahaman politik yang dianutinya wajiblah menyokong dan menjayakan penubuhan Bank Islam ini sebagai bukti bahawa kita benar-benar hendak melihat hukum Allah ditegakkan di bumi yang tercinta ini.

Tuan Yang Dipertua, sebagai yang kita maklum ramai orang-orang Islam di negara ini yang menyimpan wang di

rumah masing-masing, terutama penduduk-penduduk di luar bandar, ada yang menyimpannya di bawah tikar, di dalam bantal di atas perabong rumah dan sebagainya. Ini kerana mereka ini tidak mahu bersubahat dalam kegiatan bank yang menjalankan riba selama ini. Jadi harta orang-orang Islam ini yang berupa wang, yang berupa tanah dan lain-lain aset tidak dilaburkan dan menjadi beku, maka itulah orang-orang Islam tidak maju dalam bidang perindustrian dan pelaburan. Oleh sebab bank ini sudah pun wujud maka saya harap pihak pengurusan bank ini dan Kerajaan khasnya akan menjadikan mereka yang saya katakan tadi orang-orang Islam yang selama ini memandang negatif, bersikap negatif terhadap bank yang wujud sekarang ini, dengan adanya pilihan yang lain, iaitu Bank Islam, kita patutlah menjadikan mereka ini sebagai kumpulan sasaran (target group) untuk mereka ini melaburkan harta dan wang mereka dalam Bank Islam. Saya yakin kalau mereka ini sudah faham, sudah tahu benar-benar bahawa yang dinamakan Bank Islam ini tidak menerima dan tidak memberi riba, maka mereka akan beramai-ramai boleh melaburkan wang dan harta mereka ini dalam Bank Islam. Sebenarnya agama Islam kita sendiri mewajibkan dan menggalakkan orang-orang Islam melaburkan ataupun memperdagangkan harta mereka ini supaya harta itu menjadi berlipatganda, maka dari harta yang banyak itu bolehlah umat-umat Islam ini mengeluarkan zakat. Maka itulah Rukun Islam ini ada mewajibkan kita supaya membayar zakat, hanya orang-orang yang menceburkan diri mereka ini di dalam bidang industri dan pelaburan sahaja yang mampu mengeluarkan zakat yang banyak.

Tuan Yang Dipertua, sudah ada bukti sekarang di negeri Kelantan, ada seorang berasal dari Kelantan yang telah dapat membayar zakat sebanyak

\$1 juta tetapi beliau tidak mahu dikenalkan namanya. Ini menunjukkan jika harta orang-orang Islam ini dilaburkan, diperniagakan maka mereka ini akan dapat membuat lebih banyak kebajikan kepada orang-orang Islam yang tidak mampu. Jadi seperti yang telah saya nyatakan tadi saya harap pihak pengurusan bank ini dan Kerajaan akan dapat menyampaikan maklumat tentang penubuhan bank ini ke seluruh pelusuk negara kita, terutama kepada orang-orang luar bandar yang mempunyai wang yang menyimpan wang di dalam rumah mereka seperti yang saya nyatakan tadi dapat bersama-sama menyertai pelaburan yang akan dibuat oleh Bank Islam ini.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu saya juga suka menarik perhatian Kerajaan bahawa dalam dunia sekarang ini wang orang-orang Islam berbilion-bilion ringgit tersimpan dalam bank-bank Yahudi di mana duit-duit ini juga digunakan untuk menikam balik, untuk memusuhi orang-orang Islam. Jadi kita harap dengan penubuhan Bank Islam ini Kerajaan akan dapat menarik wang, sebahagian wang ataupun sesuku dari wang orang Islam yang selama ini tersimpan dalam bank-bank di Amerika yang dikendalikan oleh orang-orang Yahudi, yang digunakan oleh orang-orang Yahudi untuk memerangi orang-orang Islam ini dapat kita memanfaatkan, dapat kita laburkan dalam bidang Islam ini supaya wang orang Islam ini dapat membuat kebajikan, bukan menjadi senjata melawan mereka sendiri.

Tuan Yang Dipertua, bagi mengakhiri ucapan saya ini saya suka merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalannya dan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan atas hasrat dan keazaman Kerajaan hendak

menegakkan hukum-hukum Islam, iaitu hukum-hukum Allah di bumi bertuah ini semoga Allah memberkati segala usaha suci dan cita-cita murni mereka dan semoga Allah memberi mereka dan orang-orang Islam di negara ini seluruhnya taufik dan hidayah serta petunjuk ke jalan yang benar, iaitu jalan yang diridhai Allah: "Ihdinassyiratal mustakim. Syiratal lazina anamta alaihim ghairil maghdhubi alaihim walad dhaalim, amin".

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Parit. Selepas ini saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.57 ptg.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Parit): Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin turut mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang Bank Islam ini seperti kata saudara saya dari Batang Padang supaya nama saya juga akan tercatat dalam membicarakan penubuhan Bank Islam ini.

Tuan Yang Dipertua, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kerajaan pimpinan 2M dan juga kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kerana telah berjaya membuat satu Rang Undang-undang dalam usaha menubuhkan sebuah bank yang bernama Bank Islam yang merupakan satu cita-cita yang begitu lama dalam sanubari tiap-tiap umat Islam dalam negara kita.

Kalau kita lihat dari hasrat Kerajaan Barisan Nasional yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, iaitu penubuhan Bank Islam ini ialah dengan hasrat yang suci-murni umat Islam serta kesedaran Kerajaan mengenai tanggungjawab bagi menegakkan hukum-hukum Islam di negara ini. Maka tidaklah timbul kesangsian lagi dari mana-mana juga

pihak, khasnya saudara-saudara daripada pihak Pembangkang yang menganggap Bank Islam ini ditubuhkan dengan tujuan-tujuan kepentingan politik parti yang memerintah di samping Ahli-ahli Yang Berhormat dari PAS telah menyatakan sokongannya kepada penubuhan Bank Islam ini. Saya percaya rakyat sendiri akan dapat berfikir dan memberikan nilai sejauh manakah Barisan Nasional telah memainkan peranan Kerajaan di dalam usaha-usaha menegakkan syiar Islam di dalam negara ini sesuai dengan Perlembagaan Negara dan juga sesuai dengan Perlembagaan UMNO sendiri yang menjadi teras kepada Kerajaan yang memerintah pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, maka di sini saya menyeru kepada semua pihak, kepada mana-mana juga pihak yang masih mempertikaikan bahawa Barisan Nasional tidak memperjuangkan agama Islam sebagai agama rasmi negara ini. Diharapkan tuduhan-tuduhan liar yang dilemparkan selama ini terhadap Barisan Nasional, khasnya UMNO sendiri hendaklah diperbetulkan semula. Semua rakyat faham bahawa di dalam negara Malaysia yang penduduknya terdiri daripada berbilang kaum dan bangsa, apa juga corak kemajuan dan perancangan yang dibuat adalah dengan tujuan untuk kesejahteraan semua rakyat di samping berlandaskan keutuhan agama Islam. Maka tidaklah seharusnya pihak-pihak yang berkenaan hanya memberikan sokongan di dalam masalah penubuhan Bank Islam sahaja, seharusnya mereka akan memberikan sokongan-sokongan kepada semua rancangan-rancangan yang murni yang telah dijayakan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Dari harapan-harapan yang telah dilahirkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan semasa membentangkan Rang Undang-undang Bank Islam ini iaitu harapan beliau supaya Bank Islam ini akan mendapat sokongan, bukan sahaja dari

orang-orang Islam tetapi juga dari semua pihak amatlah kita alu-alukan. Orang-orang bukan Islam bukan sahaja yang berada di dalam Barisan Nasional tetapi juga dari pihak-pihak Pembangkang seharusnya melahirkan sokongan mereka secara terbuka. Ini amatlah penting bagi membuktikan kepada dunia bahawa negara ini terdiri dari berbagai-bagai kaum dan berbagai-bagai fahaman agama tetapi bersatu di dalam usaha-usaha yang baik bagi menegakkan kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang Dipertua, apa yang membimbangkan kita ialah usaha-usaha yang baik ini mungkin akan disalah-tafsirkan oleh pihak-pihak yang cuba dan sentiasa mencari keuntungan politik mereka. Kemungkinan ada pihak yang akan memutarbelitkan hasrat murni Kerajaan ini. Ini pernah berlaku semasa Kerajaan kita melancarkan Skim Amanah Saham Nasional beberapa tahun yang lampau di mana ada pihak-pihak yang mengatakan ASN ini haram dan Kerajaan dikatakan pada ketika itu dalam keadaan kemelesetan, kekurangan wang lalu cuba mengumpulkan wang-wang rakyat untuk digunakan bagi menjalankan projek-projek Kerajaan yang banyak terbengkalai.

Maka di sini saya menyeru semua pihak supaya memainkan peranan untuk menentukan bahawa Bank Islam ini akan berjaya dan akan memainkan peranannya untuk membantu negara dalam usaha meninggikan ekonomi, merapatkan jurang perbezaan ekonomi antara yang telah maju dengan yang masih mundur dan memberikan peluang kepada rakyat yang pada ketika sebelum ini tidak mahu melibatkan diri dengan simpanan-simpanan, perniagaan-perniagaan dan pinjam-meminjam melalui bank oleh kerana mereka menganggap perbuatan yang seperti ini adalah melibatkan diri mereka dengan riba dan bunga.

Tuan Yang Dipertua, di sini harapan saya juga supaya pihak Kerajaan akan dapat menjalankan usaha-usaha dan penerangan-penerangan yang jelas dan secara menyeluruh kepada semua rakyat sama ada di bandar, di luar bandar dan di seluruh ceruk rantau negara supaya rakyat benar-benar faham dan akan menaruh kepercayaan kepada penubuhan Bank Islam ini dan Kerajaan juga perlulah menentukan bahawa Bank Islam ini akan mendapat sambutan dari rakyat yang beragama Islam sama ada Melayu, China, India atau lain-lain kaum dan juga akan mendapat sambutan dan sokongan dari rakyat bukan Islam.

Kalau kita menoleh semula sejarah penubuhan Bank Bumiputera banyak pihak-pihak yang kurang menaruh kepercayaan bahawa Bank itu akan berjaya. Tetapi sekarang ini telah terbukti kepada kita bahawa Bank Bumiputera telah sangat berjaya sehingga menjadi bank yang utama di negara kita, maka inilah juga harapan kita kepada Bank Islam. Kerajaan hendaklah benar-benar berusaha supaya Bank Islam akan benar-benar berjaya bukan sahaja setanding dengan bank-bank yang lain tetapi akan menjadi sebuah lagi bank yang utama di negara ini, iaitu di samping Bank Bumiputera. Kerajaan juga seharusnya memastikan bahawa Bank Islam ini walaupun tidak menentukan bunga kepada penyimpan-penyimpan ataupun kepada pengguna-pengguna dengan urusan-urusan dengan Bank ini tetapi hendaklah dipastikan bahawa Bank Islam ini akan dapat menentukan bahawa ia akan menjadi satu institusi yang boleh menguntungkan pengguna-penggunanya.

Tuan Yang Dipertua, maka di sini saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan juga kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di atas usaha-usaha yang telah begitu baik dan telah mendapat sambutan dari semua lapisan rakyat

dan saya dengan besar hati dan dengan doa ke hadhrat Allah subhanahu wa taala mendoakan Bank ini akan berjaya.

4.06 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang Dipertua, sejak petang semalam kita berpeluang membahaskan Rang Undang-undang Bank Islam, 1982 yang kita berharap akan menjadi nadi kepada sistem kewangan negara yang ada pada masa ini. Kita berharap dengan kelulusan Rang Undang-undang Bank Islam ini ianya akan melahirkan satu benih yang bertuah, satu benih yang dapat melahirkan satu tumbuhan yang akan dapat memberi buah yang berfaedah kepada seluruh masyarakat di negara kita. Inilah hasrat dan cita-cita seluruh rakyat Malaysia, terutama sekali yang beragama Islam dan Kerajaan sememangnya bersungguh-sungguh dalam usaha ini supaya apa yang dihasratkan oleh umat Islam itu akan ternyata nanti.

Apabila Rang Undang-undang ini diluluskan nanti Kerajaan sebagaimana yang telah saya terangkan semalam akan hanya mengeluarkan satu lesen sahaja iaitu menubuhkan sebuah bank sebagai permulaan dengan dimodali bersama oleh Kerajaan Malaysia dan badan-badan tertentu, dan langkah permulaan ini akan disusuli pula dengan pembentukan berbagai-bagai badan yang lain yang akan menjalankan kegiatan-kegiatan insuran, mengikut prinsip Islam, pajak gadai dan lain-lain usaha yang difikirkan boleh memenuhi hasrat umat Islam di tanahair kita. Tetapi badan-badan yang lain ini memerlukan kepada kajian yang lebih mendalam dan teliti sebelum ianya diwujudkan dalam masa yang singkat.

Apa yang saya suka bayangkan di sini memang menjadi hasrat Kerajaan untuk menyerapkan unsur-unsur

Islam, bukan sahaja dalam pentadbiran negara tetapi juga di dalam sistem ekonomi yang berjalan pada masa ini. Kelahiran Bank Islam ini merupakan petanda utama tentang penyerapan unsur Islam itu, bukan sahaja dalam sistem kewangan negara tetapi juga ke dalam sistem ekonomi negara. Kita berharap bank yang akan kita sama-sama bentuk ini bukan sahaja akan dapat memainkan peranan yang efektif lagi berkesan untuk membantu mereka yang berurusan dengan Bank ini serta menyumbang terhadap pertumbuhan ekonomi kita, tetapi juga akan dapat meluaskan pengaruhnya ke atas bidang ekonomi yang lain sehingga ekonomi negara kita ini akan bertukar corak untuk berlandaskan kepada hukum-hukum Islam.

Itulah doa kita dan itulah harapan kita, tetapi suka saya nyatakan di sini bahawa dengan kelulusan Rang Undang-undang Bank Islam ini dan dengan lahirnya satu benih yang bertuah itu, maka inya akan menjadi titik permulaan di dalam perubahan yang akan berlaku kepada sistem ekonomi tanahair.

Tuan Yang Dipertua, sistem ekonomi negara yang sedang menghadapi berbagai-bagai perubahan ini sudah tentu akan menempuh berbagai-bagai cabaran dan walaupun kita sekarang ini bercadang menubuhkan sebuah bank yang tidak pernah dikendalikan oleh rakyat tanahair kita kerana berfungsi kepada nilai-nilai Islam dan operasinya akan berlandaskan kepada konsep-konsep Islamiah, sudah tentu akan meletakkan kedudukan rakyat yang senantiasa berurusan dengan bank-bank ala-Barat yang ada di tanahair kita ini kepada keadaan yang serba salah. Tetapi sungguhpun ada dua bentuk bank perdagangan di tanah air kita, dengan penubuhan Bank Islam yang dicadangkan ini kita percaya ia bukan akan menimbulkan pertelingkahan di antara dua sistem tetapi akan

menjamin bahawa kedua-dua Badan ini akan dapat menyumbang terhadap kekukuhan sistem kewangan dalam ekonomi negara. Itulah yang diharapkan oleh kita supaya tidak akan keliru pandangan orang ramai terhadap usaha Kerajaan yang telah diilhamkan oleh seluruh umat Islam dalam berbagai-bagai forum tempoh hari untuk mengadakan badan yang baik ini.

Saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sempat mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang Bank Islam ini dengan mengeluarkan pendapat dan pandangan yang baik serta cadangan-cadangan yang bernas untuk membolehkan Kerajaan menyusun langkah-langkah yang sesuai bagi menubuhkan Bank Islam yang diidamkan oleh umat Islam seluruhnya. Saya suka memberi jaminan bahawa pandangan-pandangan yang baik dan sesuai itu akan digunakan untuk operasi Bank ini supaya ianya ditubuh sesuai dengan kehendak Ahli-ahli Yang Berhormat.

Satu perkara yang saya suka tegaskan di sini ialah supaya pihak yang akan mengelolakan Bank ini nanti akan membaca *Hansard*, hasil daripada perbincangan yang berlangsung selama dua hari ini semoga setiap cadangan yang dikemukakan itu akan menjadi pandangan kepada pihak Lembaga Pengarah kepada pengurusan dan kakitangan yang terlibat dalam operasi Bank yang baru ini.

Saya amat tertarik sekali kerana inilah pertama kali saya mengambil bahagian di dalam perbincangan di mana terdapat semua sekali Ahli yang telah mengambil bahagian telah memberi sokongan yang kuat kepada penubuhan Bank ini. Tidak kedengaran suara sumbang daripada mana-mana Ahli Yang Berhormat

semasa Rang Undang-undang ini dibahaskan selama dua hari itu, dan ini merupakan satu rahmat yang telah pun dikurniakan oleh Allah subhanahu wa taala kerana kita telah pun memulakan langkah pertama yang baik yang boleh mengorak langkah kita kepada jalan yang benar menuntut keredhaan Allah subhanahu wa taala.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana saya katakan tadi, Kerajaan hanya akan mengeluarkan satu lesen sahaja, untuk menubuhkan Bank mengikut apa yang telah pun dicadangkan oleh Jawatankuasa Pemandu Penubuhan Bank Islam. Kita mengambil keputusan ini adalah semata-mata kerana hendak menjaga kepentingan Bank itu sendiri. Kita mahu melihat supaya Bank ini bertapak dengan kukuh dan dapat beroperasi dengan jayanya serta memberi perkhidmatan yang luas kepada semua pihak yang sanggup dan sudi melanggannya. Kita juga suka mengatur langkah-langkah yang difikir menasabah dan sesuai dalam perkembangan khidmat Bank ini agar pegawai-pegawai yang berkhidmat di situ akan dapat bukan sahaja menguasai cara-cara Bank ini hendak diuruskan tetapi juga dapat membuat hubungan dengan baik dengan semua pelanggan tidak kira apa latar belakang ugamanya. Kita harap dengan cara itu Bank ini akan menjelma di tengah-tengah masyarakat kita ini sebagai sebuah Bank yang utama yang akan dipandang tinggi oleh seluruh rakyat sebagai Bank yang benar-benar boleh memberi khidmat di samping dijalankan mengikut hukum Syariah. Dengan cara itu saya rasa berjajalah kita. Tidak semestilah modal itu menjadi lebih besar daripada Bank-bank yang lain yang wujud di tanah air kita tetapi kejayaan kita menggunakan prinsip-prinsip syariah pada menjalan operasi Bank ini adalah satu kejayaan yang lebih besar daripada kejayaan-kejayaan dari segi saiz dan sebagainya. Ini akan mendorong perjuangan

Islam, umat Melayu yang lain untuk mempercepatkan perubahan-perubahan yang ada di dalam sistem ekonomi kita ini yang berdasarkan kepada sistem Barat yang telah pun diwarisi kepada kita daripada sejak zaman penjajah lagi.

Tuan Yang Dipertua, apabila Bank ini telah pun bertapak dengan kukuh dan telah pun dapat memberi khidmat dengan luas kepada seluruh rakyat, maka ianya sudah tentu akan menubuh rangkaian cawangan-cawangannya untuk menyampaikan khidmat kepada semua pihak dan kalaulah diizinkan Allah dan didapati sesuai untuk membuat hubungan dengan pihak Bank-bank Islam yang lain di negara-negara Islam yang lain termasuklah Bank Pembangunan Islam yang beribu pejabat di Jeddah, maka Bank ini sudah tentu akan membuat hubungan bagi mendapat kerjasama yang lebih baik daripada Badan-badan itu. Tetapi sungguhpun demikian, kita mengharap satu hari nanti inisiatif akan diambil oleh individu-individu secara bersyarikat dan berkongsi untuk menubuhkan Bank Islamnya sendiri untuk menandingi Bank Islam yang dicadangkan oleh Kerajaan pada hari ini

Tuan Yang Dipertua, Bank Islam sudah pun mengambil masa seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datoh dan Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas lebih daripada 25 tahun kita merdeka, sebelum Bank Islam ini dibentuk. Kita akuih bahawa sungguhpun kita ini berkehendakkan kepada Bank-bank Islam ianya telah memakan masa lama sedikit. Kita telah mengambil masa yang panjang oleh kerana kita fikir perlu kita mengkaji dengan mendalam tentang susunan operasi Bank ini dan tentang sambutan rakyat terhadap Bank ini. Maklum sahajalah sesuatu yang baru sudah tentu akan menimbulkan berbagai-bagai pertanyaan dan buruk sangka dan kita tidak mahu sesuatu yang baik ini dibentuk ataupun ditubuh secara

tergesa-gesa sehingga menggagalkan usaha-usaha kita. Itulah sebabnya ia telah memakan masa yang panjang tetapi sungguhpun demikian pada hari ini kita berasa berpuas hati kerana dengan izin Allah bukan sahaja Dewan ini akan meluluskan Rang Undang-undang Bank Islam tetapi ianya juga membolehkan kita meneruskan usaha membentuk Bank Islam sebagaimana yang diharapkan oleh seluruh umat dan ia akan beroperasi berdasarkan kepada konsep Islamiah.

Saya tidak mahulah mengulas apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Rantau Panjang. Kalau saya hendak ulas cara politik banyaklah saya boleh ulas tetapi apa yang saya suka kata di sini Wakil-wakil daripada PAS di pihak Pembangkang telah menyatakan bahawa cadangan untuk menubuhkan Bank Islam ini adalah cadangan asal PAS. Saya rasa kita tidak perlu mendakwa siapa yang mula-mula mencadangkan penubuhan Bank Islam ini asal kita itu melakukan mengikut kehendak Allah. Itu yang penting dengan niat yang baik untuk menyempurnakan kehendak ugama Islam kita yang maha suci.

Sungguhpun pihak PAS mempunyai cita-cita yang tinggi tetapi sayang seribu kali sayang ianya hanya tinggal sebagai cita-cita sahaja. (*Tepuk*).

Di samping kita membentuk bank dengan operasinya mengikut lunas-lunas Islam kita juga akan mengambil kakitangan-kakitangan yang terlatih dan mahir dan mempunyai pengetahuan yang luas di bidang perjalanan Bank Islam. Kita juga akan mengenakan disiplin yang kuat, supaya tidak akan menghampakan umat Islam takut kalau-kalau penyelewengan akan berlaku dan ini akan menggagalkan usaha kita mengadakan Bank Islam yang kukuh dan kuat. Oleh sebab itulah kita menubuhkan bank ini secara syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 terletak di bawah kawalan

Pendaftar Syarikat di samping ianya diletakkan di bawah kawalan Bank Negara di bawah Rang Undang-undang yang kita sedang bincangkan ini. Bank Negara adalah badan yang tertinggi di tanahair kita yang bertanggungjawab untuk mengawal kesempurnaan perjalanan institusi-institusi kewangan. Saya rasa janganlah kita takut kepada kawalan yang dibuat oleh Bank Negara kerana ada Ahli Yang Berhormat yang mendakwa bahawa Bank Negara tidak menjalankan tugas-tugasnya seperti yang dikehendaki oleh Islam. Memang benar sebagai satu badan pengawal ia hanya adalah untuk menyelia perjalanan sesuatu institusi kewangan itu supaya tidak mengambil kesempatan-kesempatan yang boleh membawa kepada mudaratnya mereka yang memodali bank dan menggunakan perkhidmatan bank yang ada itu. Tetapi untuk menyempurnakan perjalanan Bank Islam yang hendak kita tubuhkan ini mengikut prinsip syariah maka kita telah pun mewajibkan setiap pihak yang hendak menubuhkan Bank Islam ini supaya membentuk satu Majlis Pengawasan Syariah. Dan Majlis itu bertanggungjawab untuk menyelia supaya operasi bank ini akan dijalankan mengikut prinsip syariah. Urusniaganya akan didasarkan kepada konsep-konsep wadi'ah, mudharabah, musyarakah, murabahah dan khatkhasat mengikut keadaan-keadaan yang sesuai. Dan ini kesemuanya akan diterangkan kepada seluruh rakyat Malaysia supaya memahami konsep-konsep baru yang belum dikenali oleh mereka lagi.

Saya rasa penerangan-penerangan akan dibuat oleh Kerajaan dan oleh bank ini sendiri untuk menentukan supaya rakyat akan dapat memahami cara bank ini bergerak.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa tidaklah perlu saya membuat ulasan panjang lebar tentang penerangan yang perlu dibuat oleh Kerajaan

kerana sudah tentu Kerajaan akan mengguna setiap jabatan dan setiap badan yang difikirkan sesuai untuk menyampaikan penerangan mengenai pembentukan bank ini seperti juga kempen-kempen yang dijalankan tempoh hari. Kita berharap ahli-ahli Barisan Nasional terutama sekali daripada parti UMNO, BERJASA, Parti Pusaka Bumiputera Sarawak dan lain-lain akan mengambil bahagian di dalam usaha penerangan ini termasuklah parti PAS kalau sanggup tidak hendak mengelirukan kenyataan-kenyataan mengenai Bank Islam ini.

Tuan Yang Dipertua, itulah sahaja saya rasa ulasan yang saya perlu buat kerana ini merangkumi semua pandangan-pandangan yang telah pun dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Bank Islam ini.

Sebagai penutupnya saya cuma suka merayu kepada seluruh rakyat Malaysia supaya memberi sokongan yang penuh dan bulat terhadap Bank Islam yang hendak dilahirkan pada pertengahan tahun hadapan. Insya Allah, dengan sokongan dari semua pihak dan dengan bantuan daripada pihak-pihak tertentu maka bank ini bukan sahaja akan melahirkan satu badan kewangan di negara ini tetapi ianya akan menjadi permulaan terhadap perubahan-perubahan kepada sistem kewangan yang ada di tanahair kita.

Tuan Yang Dipertua, itulah sahaja ulasan saya, terima kasih. (*Tepuk*).

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 60 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG JEMAAH PEMERIKSA ELEKTRIK, 1982

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.30 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang Dipertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Bernama suatu Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik, 1982 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk membuat peruntukan mengenai pengawalan pemasangan, loji dan kelengkapan elektrik mengenai perkara-perkara berhubung dengan keselamatan orang-orang dan bagi maksud yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Bahagian Pemeriksa Elektrik yang bertanggungjawab mengenai pemeriksaan elektrik di Semenanjung telah ditubuhkan melalui perbekalan dalam Akta Letrik, 1949 iaitu bersama-sama dengan penubuhan Lembaga Letrik Negara (LLN) dan diletakkan di bawah pengurusan LLN. Perlantikan Ketua Pemeriksa Elektrik dan pegawai-pegawainya dibuat oleh

Lembaga LLN iaitu dari kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Lembaga itu sendiri.

Memandangkan bahawa Bahagian Pemeriksa Elektrik ini sekarang adalah merupakan sebahagian dari organisasi LLN sedangkan tugas-tugas bahagian ini antara lainnya untuk mengawasi dan memeriksa pembekalan elektrik termasuk yang dikeluarkan oleh LLN sendiri dan pelesen-pelesen awam di bawahnya, maka ianya tidak dapat menjalankan tugas-tugas secara bebas dan lebih objektif sebagaimana yang sepatutnya.

Tuan Yang Dipertua, kedudukan Bahagian Pemeriksa Elektrik di negeri Sabah dan di negeri Sarawak pula adalah lebih kurang sama dengan kedudukan di Semenanjung. Di Sabah, tugas ini telah diwakilkan oleh Yang Dipertua Negeri kepada Lembaga Letrik Sabah (LLS) mengikut pembekalan Ordinan Elektrik Sabah, 1950. Sungguhpun demikian bahagian ini hanya diwujudkan dalam tahun 1975 di LLS untuk membantu Pengurus Besar LLS dalam menjalankan tugas sebagai Ketua Pemeriksa bagi negeri Sabah.

Di Sarawak pula, Yang Dipertua Negeri Sarawak telah mewakili kuasa kepada Ketua Jurutera di Kementerian Perhubungan dan Kerjaraya Negeri Sarawak mengikut Perbekalan Ordinan Letrik Sarawak, 1956. Seperti juga halnya di Sabah, tugas-tugas pemeriksaan elektrik yang dijalankan di Negeri Sarawak juga didapati tidak berkesan dan tidak memuaskan kerana tugas ini hanya merupakan kerja sampingan mereka.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan hal inilah, maka difikirkan wajar bagi Bahagian Pemeriksa Elektrik ini dijadikan sebuah Jabatan Berasingan. Jabatan Pemeriksa Elektrik yang baru ini akan merangkumi tugas-tugas Pemeriksa

Elektrik di seluruh negara. Ini pula adalah sejajar dengan dasar Kerajaan untuk menerima balik penurunan kuasa yang diberikan kepada Kerajaan Sabah dan Sarawak berhubung dengan perbekalan elektrik yang mana LLS dan Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak (SESCO) akan dijadikan Perbadanan Persekutuan. Dalam hal ini, suka saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak bersama-sama telah menyambut baik akan cadangan untuk memindahkan bahagian Pemeriksa Elektrik ke suatu Jabatan berasingan.

Tuan Yang Dipertua, bagi mewujudkan sesuatu Jabatan yang berasingan maka perlulah bagi Rang Undang-undang ini digubal supaya Jabatan ini dapat menjalankan fungsi-fungsi dan tugas-tugasnya menurut lunas-lunas undang-undang yang disediakan.

Rang Undang-undang ini telah digubal berasaskan kepada perbekalan-perbekalan yang terdapat dalam Akta Letrik, 1949, pindaan 1980 yang mana ada kaitan dengan perlantikan Ketua Pemeriksa Elektrik, tugas-tugas dan fungsi Pemeriksa Elektrik, Pemberian Lesen-lesen serta lain-lainnya. Oleh yang demikian perbekalan dalam Rang Undang-undang ini adalah lebih kurang sama dengan perbekalan yang terdapat dalam Akta Letrik, 1949 Pindaan 1980 yang berkaitan dengan pemeriksa elektrik. Apa yang membezakan Rang Undang-undang ini dengan Akta Letrik yang sedia ada hanyalah dari segi bidang kuasa Jabatan ini yang mana akan merangkumi negeri Sabah dan Sarawak selain dari Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini mengandungi 11 Bahagian seperti yang tercatat dalam Rang Undang-undang yang terdapat di hadapan Yang Berhormat sekalian.

Kementerian saya mendapati perlu bagi Jabatan Pemeriksa Elektrik ini diwujudkan sebagai Jabatan yang berasingan dan dipindahkan dari perbadanan-perbadanan yang seharusnya diawasi oleh Jabatan ini. Dengan pemindahan ini dan pengubalan Rang Undang-undang ini juga, adalah menjadi harapan bahawa fungsi dan tugas-tugas jabatan ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan memuaskan demi untuk menjamin perbekalan elektrik di seluruh negara dapat dikendalikan dengan baik dan lebih selamat. Di samping itu adalah juga didapati perlu bagi tugas-tugas pemeriksaan elektrik ini dilakukan dalam keadaan yang seragam bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengawalan pemasangan, loji dan kelengkapan elektrik mengenai perkara-perkara berhubung dengan keselamatan orang-orang bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.37 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang Dipertua, saya suka untuk membahas Rang Undang-undang Jemaah Pemeriksa Elektrik, 1982 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi.

Di dalam Rang Undang-undang ini adalah dengan jelas menyatakan bahawa Undang-undang ini dikuatkuasakan demi untuk mengawasi keadaan dan pemeriksaan yang berlaku di dalam pelaksanaan

pepasangan dan juga pelaksanaan di dalam menentukan bahawa elektrik ataupun kuasa elektrik yang digunakan atau mengikut peraturan dan juga lunas-lunas yang dikehendaki dari segi keselamatan dan juga dari segi kebaikan pengguna yang menggunakannya.

Saya suka hendak menekankan di sini beberapa perkara yang berkaitan dengan peraturan ini supaya pemeriksaan yang akan dijalankan itu akan memberi kesan yang baik dan sesuai sekali Undang-undang ini diwujudkan apabila badan ini telah bertambah besar dan juga kuasanya telah begitu menyeluruh dalam negara kita, maka badan pemeriksaan seperti ini patut diwujudkan. Sebagaimana yang kita tahu bahawa pemasangan elektrik ke rumah-rumah selalunya telah dilesenkan oleh pihak Lembaga Letrik Negara. Lesen-lesen ini dipegang oleh orang-orang tertentu yang berkemahiran, berpengalaman dan sebagainya. Tetapi malangnya ada setengah-setengah tempat mungkin oleh kerana kekurangan lesen yang dikeluarkan menyebabkan pemasangan pendawaian elektrik ke rumah-rumah dan bangunan-bangunan ini dijalankan oleh orang yang tidak berpengalaman, tidak mempunyai kuasa untuk memasangnya tetapi mereka ini menjalankan adalah dengan lesen yang dipinjam daripada orang-orang lain yang berlesen. Misalnya, satu bandar kecil untuk dipasangkan kuasa elektrik tetapi di situ tidak mencukupi lesen untuk orang memasang pendawaian elektrik maka orang tertentu yang berpengalaman telah bekerja bagi pihak yang memegang lesen tersebut di kawasan tertentu menyebabkan ada di antara pemasangannya tidak begitu cermat, tidak begitu baik dan juga kemungkinan akan membahayakan kepada pengguna-pengguna dan juga bangunan-bangunan yang tertentu. Begitu juga kaedah-kaedah daripada pemasangan earth dan sebagainya

dijalankan oleh orang yang tidak berpengalaman walaupun lesen itu dipegang asalnya diberi kepada orang yang berpengalaman. Kerana setengah-setengah bangunan yang tinggi-tinggi, bangunan yang besar-besar berkehendakkan pemasangan misalnya triple phase dan sebagainya berkehendakkan pemasangan earthnya yang cukup maka keadaan ini jika dilakukan orang yang tidak berpengalaman sudah tentu akan membahayakan bangunan yang dilakukan itu.

Selain daripada itu, Undang-undang ini memberi kuasa kepada pihak-pihak awam yang dilesenkan atau pihak kontraktor yang tertentu untuk memasuki mana-mana tanah untuk menjalankan pembangunan projek. Ini adalah paling sesuai sekali dengan keadaan yang ada sekarang kerana satu faktor yang paling besar yang paling mengendalakan pemasangan elektrik ini ialah kerana tuan-tuan tanah atau tuan-tuan punya harta tidak membenarkan pemasangan atau pendawaian elektrik ini lalu pada tanah mereka walaupun Kerajaan memberi kesanggupan untuk membayar pampasan gantirugi ataupun membayar gantirugi pokok ataupun membayar kerosakan tanah yang diberi kepada mereka tetapi malangnya kita tidak tahu dari sebab apa, mungkin dari sebab mereka ini mempunyai tujuan-tujuan yang tertentu maka mereka tidak membenarkan tanah mereka dilalui untuk pendawaian elektrik. Sekiranya perkara ini dibawa kepada pihak Pemungut Hasil Tanah untuk menyelesaikannya, maka mereka ini tidak akan hadir di dalam perbicaraan itu seolah-olah mereka ini tidak bertanggungjawab langsung kepada kehendak-kehendak projek elektrik yang hendak dijalankan ini dengan tidak memberi kerjasama di dalam kemasukan kepada tanah-tanah mereka dan juga penebangan pokok dan juga harta-harta mereka yang ada

di situ walaupun pihak Kerajaan dan pihak LLN telah begitu bertanggungjawab untuk membayar segala gantirugi. Dengan adanya Undang-undang ini projek ataupun pelaksanaan projek elektrik yang terbengkalai, ada setengahnya sampai tiga, empat tahun terbengkalai disebabkan oleh tidak dapat dimasuki oleh sebab tuan-tuan tanah tidak membenarkannya, sampai sekarang projek itu tidak dapat disiapkan.

Sebagai satu contoh—saya tidak mahu contoh di mana-mana, tetapi contoh, satu pendawaian daripada Kota Bahru ke Pasir Puteh misalnya, projek ini diluluskan pada tahun 1979 tetapi sampai sekarang projek ini tidak dapat disiapkan dengan satu sebab iaitu tidak dapat memasuki tanah yang dimiliki oleh tuan punya tanah disebabkan bantahan ataupun tidak mahu menghadiri perbicaraan yang diadakan oleh pihak yang tertentu. Dengan pelaksanaan undang-undang ini saya rasa projek yang terbengkalai dan projek-projek baru akan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat lagi supaya matlamat dan hasrat Kerajaan akan tercapai dalam perkara ini.

Begitu juga dalam memasuki bangunan-bangunan dan tanah-tanah tersebut walaupun bangunan itu ada elektrik ataupun tidak ada tetapi menentukan bahawa bangunan itu boleh dimasukkan elektrik, ini juga merupakan satu tanggungjawab pemeriksaan yang akan ditubuhkan ini. Suka juga saya hendak menyebut di sini bahawa bangunan-bangunan lama sebagaimana yang kita tahu setengah bangunan-bangunan itu didirikan berpuluh-puluh tahun dan wayar elektriknya masih di situ dan digunakan. Tetapi perkara ini sudah tentu kalau keadaan yang begitu lama, sudah tentu akan membahayakan bangunan itu yang akan menerbitkan bahaya atau kebakaran yang dihasilkan oleh elektrik. Jadi pemeriksaan untuk bangunan-bangunan lama bagi menukar pemasangan elektrik ini

adalah perlu supaya keselamatan bangunan dan keselamatan jiwa penghuni bangunan itu perlu diawasi dengan adanya peraturan yang lebih tegas dan Undang-undang yang kita sebutkan ini.

Suka juga saya hendak sebutkan bahawa kadang-kadang berlaku kecurian elektrik. Mungkin ini tidak disedari dan telah pun disedari, kadang-kadang setenah tempat itu mengikut kiraan pihak tertentu bahawa kuasa elektrik di situ adalah mencukupi tetapi apabila kita melihat kepada keadaan saluran api yang digunakan itu menyebabkan di situ tidak mencukupi. Ini menyebabkan keadaan ini tidak dapat diketahui tentang berlakunya kecurian elektrik yang dilakukan oleh tiap-tiap rumah ataupun bangunan-bangunan yang lambat dipasang elektrik telah berlaku terutama kepada bangunan-bangunan perniagaan, gedung-gedung perniagaan yang besar-besar untuk mencari keuntungan. Dengan kuasa yang diberikan ini kita berharap bahawa kecurian elektrik dapat dikurangkan dan kuasa elektrik yang dikeluarkan itu dapat digunakan sebagaimana yang sepatutnya.

Saya juga tidak terjumpa di dalam peraturan yang ada ini tetapi mungkin ada bahawa pemeriksaan ini juga akan bertanggungjawab terhadap memeriksa alat-alat elektrik yang dijualkan di pasaran sama ada alatan elektrik itu merbahaya ataupun boleh digunakan oleh pengguna-pengguna. Ini perlu supaya pengguna-pengguna yang menggunakan alat itu tidak akan menerima bahaya sama ada di dalam Jemaah Pemeriksa Elektrik ini mempunyai kuasa dalam bahagian itu ataupun tidak, tetapi sekiranya tidak, sepatutnya Jemaah ini akan menjalankan tanggungjawab ini sebagai satu daripada bahagian untuk menjaga keselamatan dan jiwa orang yang menggunakan peralatan elektrik sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Dengan peraturan-peraturan yang

diberi ini, saya berharap bahawa pihak yang mengeluarkan lesen dan pihak yang bertanggungjawab untuk pemberian dan pembatalan lesen akan menentukan bahawa lesen itu diberi kepada mereka yang benar-benar berkemampuan dan sekiranya lesen itu tidak digunakan oleh orang tersebut, tetapi digunakan oleh orang lain ataupun dengan cara untuk meluaskan kawasannya digunakan oleh satu-satu syarikat, katalah, mereka menggunakan di Kota Bharu di dalam menjalankan pendawaian tetapi ada juga dengan menggunakan lesen yang sama, menggunakan di Pasir Puteh, di Bachok, di Tumpat misalnya dengan dikerjakan oleh orang lain yang tidak berpengalaman, yang tidak berlesen tetapi bekerja dengan lesen orang lain dengan mendapat sebahagian daripada keuntungan yang dijalankan di dalam pendawaian ini. Cara ini kalau sekiranya benar orang yang menjalankan pendawaian itu telah berkemampuan, sepatutnya lesen baru dikeluarkan kepada mereka supaya mereka itu dapat diawasi dengan benar-benar dan segala pemasangan yang dijalankan itu adalah ditanggungjawabkan oleh mereka, bukan menjalankan kerja dengan tanggungjawab diberikan kepada orang lain, iaitu pemegang lesen. Dengan peraturan-peraturan yang ada ini, saya berharap supaya pihak Jemaah Pemeriksa Elektrik ini akan dapat memberi bantuan dan akan dapat bertanggungjawab dengan sepenuhnya menentukan bahawa penggunaan elektrik dan juga pengguna elektrik yang melakukan itu adalah memberi manfaat dari segi keselamatan dan juga tidak mendatangkan pembaziran dari segi kecuaiian oleh pihak yang tertentu.

Dengan ini sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Jemaah Pemeriksa Elektrik 1982 yang dibentangkan dan ini berharap menjalankan fungsinya sebagaimana yang disebutkan itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.50 ptg.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang Dipertua, saya suka memberikan ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang telah menyuarakan beberapa perkara yang memang menjadi perkara yang di dalam perhatian dan kesedaran oleh pihak Kerajaan dan pihak Lembaga Letrik Negara. Seperti yang saya terangkan di waktu membentangkan Rang Undang-undang ini sebentar tadi, memang tujuan Kerajaan untuk menambahkan keupayaan kita dan untuk mengawal supaya alat-alat dan pemasangan letrik di negara kita untuk memberi keselamatan yang lebih berkesan lagi dari apa yang sudah berlaku. Apa-apa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang diambil perhatian oleh saya yang menganggap apa yang disebutkan itu memang adalah sewajarnya dan sepatutnya.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 42 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PEMBEKALAN LETRIK SARAWAK

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak 1982 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk menubuhkan suatu perbadanan bernama Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak atau dalam Bahasa Inggerisnya "Sarawak Electricity Supply Corporation" (Kemudian dari ini disebut "Perbadanan") yang akan bertanggungjawab atas penjanaan dan pembekalan tenaga elektrik di Negeri Sarawak.

Penubuhan Perbadanan ini adalah perlu memandangkan bahawa Sarawak Electricity Supply Corporation (SESCO) sebagai sebuah Perbadanan Kerajaan Negeri perlu dibubarkan berikutan daripada persetujuan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak menyerahkan balik penurunan kuasa yang telah diberi kepada Kerajaan Negeri mengenai penjanaan dan pengagihan elektrik. Bagi membolehkan cadangan ini dilaksanakan, suatu Perintah Pemansuhan akan dibentangkan dalam Parlimen. Oleh itu, dengan mula berkuatkuasanya Perintah Pemansuhan tersebut itu, adalah dicadangkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak akan mengambil langkah-langkah untuk memansuhkan Ordinan Pembekalan Elektrik Sarawak 1963 (kemudian dari ini disebut "Ordinan

PPLS”) yang menubuhkan perbadanan bernama Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak (Kemudian dari ini disebut “PPLS”). Oleh yang demikian, Perbadanan yang bakal ditubuhkan menurut Undang-undang Persekutuan akan menggantikan PPLS, yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak itu.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, penjanaan dan pembekalan elektrik (kecuali bagi Negeri Sarawak yang menggunakan kuasa air atau hidro) adalah dalam senarai Persekutuan menurut Perlembagaan Malaysia. Walau bagaimanapun Kerajaan Persekutuan dalam hal ini telah mewakilkan kuasa berkaitan dengan perkara-perkara tersebut kepada Kerajaan Negeri Sarawak semasa penubuhan Malaysia dahulu.

Kerajaan Persekutuan sekarang ini, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri, telah bersetuju untuk menerima balik perwakilan kuasa yang telah diberikan kepada Kerajaan Sarawak. Dengan penyerahan balik perwakilan kuasa ini bermakna bahawa kuasa perundangan mengenai penjanaan dan pembekalan elektrik akan berpindah kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Persekutuan seterusnya adalah bertanggungjawab penuh mengenai penjanaan dan pengagihan tenaga elektrik di Negeri Sarawak. Memandangkan bahawa kuasa mengenai penjanaan elektrik dan pengagihannya adalah dalam senarai Kerajaan Persekutuan dan juga memandang bahawa perbekalan elektrik perlu diperluaskan ke seluruh negara bagi menemui hasrat Kerajaan hendak memperbaiki keadaan hidup rakyat dan juga bagi membolehkan perusahaan-perusahaan diperluaskan ke seluruh pelusuk negara maka masa sudah tiba kuasa yang telah diperturunkan kepada Kerajaan Negeri dipindahkan balik kepada

Kerajaan Persekutuan sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan. Tambahan pula perancangan yang sempurna perlu dibuat bagi mengadakan perbekalan elektrik yang lebih rapi dan tersusun di seluruh negara dan untuk mencapai tujuan ini, maka perancangan dalam perbekalan elektrik tidak seharusnya diserahkan kepada sesebuah Kerajaan Negeri dan perlu diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan sendiri, lebih-lebih lagi akhir-akhir ini krisis minyak telah menimbulkan banyak kesulitan bagi Perbadanan-perbadanan yang menjalankan perusahaan perbekalan elektrik yang bergantung semata-mata kepada minyak. Bagi mengurangkan penggantungan negara kepada minyak, Kerajaan Persekutuan telah mengadakan “Four Fuel Strategy” iaitu suatu strategi bagi mempelbagaikan sumber tenaga seperti menggunakan arang batu, gas asli dan membangunkan semua potensi hidro yang terdapat di negara ini.

Perlaksanaan projek-projek hidro sememangnya memakan belanja yang besar, dan adalah munasabah bahawa bebanan untuk memajukannya dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Persekutuan, dan oleh kerana inilah difikirkan mustahak kuasa ini dipindahkan balik kepada Kerajaan Persekutuan. Tambahan pula Sarawak mempunyai potensi hidro yang besar yang perlu dieksploitasikan untuk kegunaan seluruh negara memandangkan harga minyak yang tinggi sekarang ini.

Bagi membolehkan pemindahan kuasa ini dilaksanakan maka Perbadanan yang sedang melaksanakan kegiatan pembekalkan dan penjanaan elektrik di Sarawak sekarang mestilah dijadikan sebuah Perbadanan Persekutuan. Dalam hal ini Kerajaan Persekutuan berpendapat bahawa cara yang paling sesuai untuk menjadikan PPLS sebagai Perbadanan Persekutuan ialah dengan cara

menggubal suatu Rang Undang-undang baru yang sedang dibentang sekarang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengubalan Rang Undang-undang ini telah dibuat berasaskan kepada perbekalan-perbekalan yang sedia ada dalam Ordinan Letrik Bab. 137 Sarawak (kemudian dari ini disebut Ordinan Elektrik) dan Ordinan PPLS dengan pindaan yang sedikit sahaja kepada Ordinan-ordinan berkenaan. Pindaan-pindaan yang sedikit ini difikir perlu untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan memainkan peranan yang lebih dalam Perbadanan yang bakal ditubuh itu. Dengan lain-lain perkataan kebanyakan daripada perbekalan yang terdapat dalam Ordinan-ordinan yang sedia ada akan terus dipakai dan dikuatkuasakan dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang Dipertua, saya suka juga menegaskan di sini bahawa dengan pemindahan kuasa ini kelak, kedudukan pegawai dan kakitangan PPLS sekarang tidak akan terjejas. Ini bermakna bahawa mereka akan terus berkhidmat dengan Perbadanan dan dibenarkan menikmati apa-apa kemudahan yang diterima oleh mereka sebelum ini dengan PPLS. Cuma perbezaan yang timbul ialah dari segi taraf mereka iaitu dengan berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini kelak, mereka adalah dianggap sebagai pegawai dan kakitangan sebuah Perbadanan Persekutuan dan tidak lagi sebagai pegawai dan kakitangan sebuah Perbadanan Negeri.

Walau bagaimanapun oleh kerana terdapat sedikit sebanyak perbezaan dari segi peraturan-peraturan dan syarat-syarat perkhidmatan yang diikuti oleh Negeri Sarawak berbanding dengan peraturan dan syarat yang diikuti oleh Kerajaan Persekutuan, maka perlantikan pegawai-pegawai dan kakitangan baru

selepas berkuatkuasa Rang Undang-undang ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang Dipertua, mengenai soal pampasan pula, sukalah saya nyatakan bahawa untuk menjaga kepentingan Kerajaan Negeri dan juga sebagai tanda keikhlasan di samping memupuk semangat kerjasama serta menjaga hubungan yang baik di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, maka telah di persetujui bahawa Kerajaan Persekutuan akan membayar pampasan kepada Kerajaan Negeri, ini dinyatakan di bawah seksyen 46 bil ini. Dalam hal ini, Kementerian saya telah menubuhkan suatu jawatankuasa peringkat pegawai yang terdiri dari wakil-wakil Kerajaan Negeri Sarawak, Kementerian Kewangan Persekutuan dan juga wakil dari Kementerian saya sendiri untuk menyelesaikan soal bayaran pampasan ini serta lain-lain hal yang berkaitan dengan pemindahan kuasa ini.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini adalah difikirkan perlu untuk membolehkan Perbadanan ini dijadikan sebagai Perbadanan Persekutuan berikutan dengan pemindahan kuasa mengenai elektrik dari Kerajaan Negeri Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan.

Saya dengan ini memohon mencadangkan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis iaitu Suatu Akta bagi membuat Peruntukan mengenai Penubuhan Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak, mengenai fungsi-fungsi Perbadanan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya dibacakan

kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah.

5.00 ptg.

Dr Leo Michael Toyad (Mukah):Tuan Yang Dipertua, terima kasih kerana memberi kesempatan ini supaya saya dapat berbincang serba sedikit atas Rang Undang-undang Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak.

Saya ingin menyatakan saya menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Dewan yang mulia ini. Terutama sekali saya ingin menyatakan di sini bahawa Rang Undang-undang ini adalah satu langkah yang besar dalam proses hasrat Kerajaan untuk mengeratkan lebih kuat lagi penyatuan negeri-negeri di negara kita ini, di sini khasnya negeri Sarawak.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini saya harap akan meninggikan lagi nikmat pembekalan elektrik di Sarawak. Saya ingin juga menyeru kepada Kerajaan supaya mencari cara-cara yang lebih ekonomik dan praktik dalam menyediakan tenaga elektrik di kawasan bandar kecil dan perkampungan di luar bandar di Sarawak. Walaupun kawasan Sarawak adalah luas dan infrastrukturnya seperti jalan dan logistik masih kurang memuaskan, penubuhan pusat-pusat tenaga seperti mini hidro kalau diselaraskan dengan proses penempatan penduduk-penduduk, saya yakin dia akan jadi lebih ekonomik.

Tuan Yang Dipertua, merujuk kepada Clause 46 (1) di muka 33, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana memasukkan clause pampasan ini yang telah diminta oleh negeri Sarawak. Ini adalah satu bukti bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah Kerajaan

yang sentiasa beramanah, Kerajaan yang percaya dalam kesan-kesan perundingan dan dengan adanya saluran perundingan begini apa-apa salah faham dan masalah dapat dielakkan.

Tuan Yang Dipertua, di sini juga ingin saya menyeru kepada Kerajaan supaya melaksanakan dengan seberapa segera yang praktik, pampasan yang telah disetujui antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak. Saya harap pampasan yang akan dibayar itu adalah satu yang adil dan yang berpatutan.

Menyentuh pada projek hidro elektrik yang akan dilaksanakan di negeri Sarawak, saya harap Kerajaan akan mencari jalan-jalan dan cara-cara yang berkesan dalam penempatan penduduk-penduduk yang telah terpaksa beralih dari kawasan projek-projek hidro elektrik ini.

Penempatan penduduk ini saya percaya akan melibatkan perumahan dan sebanyaknya di Sarawak adalah mengusahakan pertanian. Saya ingin mencadangkan supaya proses penempatan ini dapat dijadikan satu proses pembangunan sosio dan ekonomi kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Dalam pembangunan seperti ini Kerajaan dapat memberi peluang-peluang yang baru supaya rakyat dengan sendirinya dapat mencari keuntungan dan meninggikan taraf kehidupan mereka.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, dari segi pendapat pengguna elektrik di Sarawak, saya harap dengan adanya penyatuan dan penubuhan Perbadanan Letrik di seluruh negara bayaran-bayaran elektrik di negeri Sarawak khasnya akan diselaraskan dengan bayaran-bayaran di seluruh negara.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya ingin menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak tahun 1982.

5.08 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): (*Dengan izin*) I rise to participate in the debate on the 1982 Sarawak Electricity Supply Corporation Act and although I have gone through it with the typical, critical comb of the Opposition, trying to find whether it does meet the aspirations of the people in Sarawak, I must admit in all honesty that there are provisions showing obvious concern for the delicate relationship between the State of Sarawak and the Federal Government. For instance, there are provisions for compensation to the State Government; there are provisions in Clause 54 saving rights of the Government of the State of Sarawak in the foreshore; provision for the proper transfer of officers or servants on the establishment of Body Corporate in Clause 49 and others which show certain sensitivity towards the whole complex problem of under-development in the socio-economic scene in Sarawak and I wonder if that has anything to do with the fact that the Minister himself is from Sarawak. Be that as it may, we are not going to parade the achievement of the Barisan Government like the Barisan Nasional back-benchers because no Government is perfect, no law is perfect and it is our job here to point out the imperfections, offering even constructive criticisms, hopefully they will be taken into account for the benefit of the people. So it is my wish that my comments be taken in the non-partisan spirit.

Tuan Yang Dipertua, my first comment is that the Bill does give quite a bit of power to the Minister. In fact, the power of the Minister is absolute in certain areas. I have nothing against the Minister personally, but when we are dealing with laws, we are dealing with posterity, we are dealing with the principles. The Minister's power for instance, according to Clause 5, in regard to the appointment of the

Corporation members who control, supervise and direct the running of the Board of the Corporation, is actually quite final. There is regrettably no mention of any arrangement of co-opting, for instance, local people into the corporation, into the Board membership, in order to ensure that the people who are really there, that the local people who can understand the local problems actually run this very important Corporation which is responsible for the supply of electricity to the people of Sarawak. I understand perhaps that this Clause may not be added if we really want to take a step towards State-Federal integration of slowly doing away with the schism, the alienation between the Federal and State politics. I can also assume perhaps that if the Minister himself is from Sarawak, he can be extra-sensitive and he will make sure perhaps that there are administrative arrangements for Sarawakians to sit on the Board, to sit on the Corporation. But the point is that as a matter of principle, I think since I assume that this Corporation is going to be a parallel organisation to the LLN in Semenanjung Malaysia here, it is not going to branch over here—so it is going to be localised in Sarawak—that certain administrative principles can be established by which the local people can have a say in the running of the Corporation for the benefit of the local people.

Clause 6 makes some provisions for the members of the Corporation to get rid of interests which they own with respect to production of electricity. I suppose that calls for the Board members to sell away their shares in whatever companies that have got sub-contracts from SESCO or form any from of production of electricity. This principle itself is commendable, although how it is going to be implemented or how it is going to be enforced, I do not know. It is a good principle because in effect it insists on

public accountability of people in the top administrative circles in making sure that there is no conflict of interests on their part, in making sure that those people who make decisions affecting millions of dollars of public expenditure on this important field of energy provision, those people will not be liable to suspicion of corruption, of a distorted form of corruption of enriching themselves using their positions.

Unfortunately, the Clause also gives a provision for the Minister to waive the requirement for the Board members not to get rid of their interests in specific cases and, unfortunately, we do not have any reasons for this provision. So, I would be grateful if the Minister in his reply can tell us the guidelines or the criterion of such a waiver. As far as we are concerned, the law is actually quite unflexible on this part and whoever you are, whatever implications you have, there should not be any waiver on this particular aspect.

Clause 32 provides the Corporation with the power of entry into private land for purposes of construction, for the purpose of installation of equipment for power supplies. Although it says here that the Corporation may take such other actions which may be necessary to render such installation safe and efficient—Clause 32 (1)—paying full compensation to all persons interested for any disturbances, damage or disability they may be caused thereby and such compensation may include an annual payment for land used for the purpose of the posts or other equipment—now the key words there I think are “full compensation”—now exactly what is a “full compensation”? Who is going to determine how much compensation is going to be full? If there is any disagreement, what are the channels of appeal? The same clause here provides channels of appeal that if a land owner is not satisfied, he can make his appeal to the Director of

Lands and Surveys, who shall call for a hearing and then he shall make a ruling. If it is against the land owner, it can also further be appealed to the Minister himself. Clause 35 says, “Any person aggrieved by a decision of the Director of Lands and Surveys under the provisions of section 32 or 34 may appeal to the Minister whose decision shall be final”. It does not say here whether the decision can be further brought forward to a civil court of law. I would also ask the Minister to make a clear decision on this point because ultimately if you look at this channel of appeal, it is all within the Government circles; and the poor citizen is a “lone wolf” against the whole mighty structure of the Government. Really he has little chance of getting what he considers as full compensation.

In any case, in Sarawak especially the question of land is so volatile that it is very difficult to place a sum of money on a piece of land as full compensation. As the major hydro-electric projects take shape in Sarawak, I can foresee already a lot of problems with the land being acquired by the Corporation for the purpose of construction, supplying and providing electricity.

In regard to Clause 49, the Minister in his opening remark has also emphasised this point that every officer or servant—this is an Act enabling the Federal Government to take over a body that is established under the Borneo States (Legislative Powers) Order, 1963—when the take-over is effected, it says here:

“Every officer of servant, who immediately before the commencement of this Act, was employed as an officer.” and so on, such a person who is specially employed with SESCO, for instance, when he is transferred from the service of the body corporate to the service of the Corporation should be given terms and conditions of service, perquisites and emoluments

no less favourable than those which he had enjoyed immediately prior to the commencement of this Act. I happen to know also that a lot of staff of SESCO, i.e. the Sarawak Electricity Supply Corporation, are quite concerned, are quite anxious, about the whole question. It says here that they will not get any worse benefits than what they are enjoying now. Then the question is on grading, on promotion prospects, on retirement, gratuities, pensions and so on. This is a question which should be looked into. Certainly in the Federal take-over of a Sarawak State Corporation, it is necessary to think about national integration; the staff then deserve better treatment than what they are getting now. On this also I would ask the Minister for a clarification.

Clause 52 is an important Clause dealing with the rates and prices to be charged for the supply of energy to consumers. Here it gives provision to the Corporation, the members of the Corporation, as the body which determines the rates and prices to be charged for the supply of energy to consumers and to the Minister as the final decision-maker in this case. In the administrative channel, for instance, I feel that there should be a provision for appeal by consumers, provision for feed-back by consumers. Very often charges in this country on public utilities are just levied from the top, from the Government, to the people irrespective of whether they like them or not, whether it is for their own good or not. There could perhaps be more consultations with consumer bodies, with industries and with small businessmen who will be affected by changes in the charges for the supply of energy.

In any case, this Bill is now put forward in this House just, as the Minister said, because of the tremendous hydro-electric economic

potential in Sarawak, and the State Government finds that it has not got the necessary resources to develop that potential, and it is perhaps time for the Federal Government to mobilise its wider resources to undertake this hydro-electric development. Hydro-electric development is the "in-thing" or a big thing in Sarawak nowadays especially when our country is talking about industrialisation, modernisation, in our economy. We know that in the world of economy nowadays, the most important factor, the most important reason why a country can get ahead of others is the easy availability of cheap energy. As I said in my speech on the budget earlier on, hydro-electric energy is much more preferable to hydro-carbon energy principally because such things as gas and oil, hydro-carbon products, are non-renewable. Once you get them out of the earth, you use them up and you cannot replace them. You can imagine if we rely entirely on hydro-carbon for energy supply, one day this will be a very dark world indeed! Also environmentally it is not a healthy thing to do, because hydro-carbon energy takes millions of years to build up, but it takes only seconds to burn in a combustion engine in a car whereas hydro-electric energy is renewable. It is there, it is in abundance, as long as there is rain from the sky, as long as the Sarawak terrain, which is supposed to be very difficult, happens to be suitable for the production of hydro-electric energy; it is also clean, it does not pollute like oil extraction. It does not cause much irreversible process in the ecology system. Many of the hydro-carbon products, for instance, plastic things can never be re-absorbed into the natural cycle whereas water and hydro-electric power is self-generating, it itself is part of the natural cycle. It is probably the most suitable source of energy for mankind from an ecological point of view if you want to leave a clean, beautiful world to our children instead of destroying it.

Unfortunately, there are also problems involved. Right now, in Sarawak, I know that the Batang Air project is under construction. Also there is a feasibility study on the Pelagus project, Pelagus site, with much greater capacity than the former site. There is some fear among the local people that flooding of a large area, principally a rural area in Sarawak, will change the ecology system in the rural area. I am not sure whether within the feasibility study itself environmental considerations have been submitted to the Department.

Sarawak is probably one of the last places where we can still find virgin forests, flora and fauna, found very rarely in other parts of the world. This is a legacy from the God and we should treasure it for our children. I would personally recommend to the Ministry that with regard to the future feasibility studies, the environmentalist point of view should also be taken into account. After our desire to improve our socio-economic well being to get more money, to have more material production, to raise our standard of living, apart from the knowledge that is required for that, we must also possess wisdom, the wisdom of living at peace with the surrounding world; and hydro-electric power happens to have that short-coming that whenever you flood a place you also change the physical conditions of a large tract of land and Sarawak is especially precious in view of the fact that large forest land is now disappearing because of logging. This is one thing that the Minister can look into to ensure that there is no animal or plant life that is going to be extinct because of our desire to extract energy from the nature. We have to treat nature like a friend and not like a slave because after all we ourselves are part of the nature.

Tuan Yang Dipertua, we are still waiting to see whether this new Corporation which will play a very

important part in the socio-economic development in Sarawak; we are still waiting to see whether the good principles, the good intentions, the good preliminary work done by all parties concerned will be implemented in such a way that will bring benefit to the people of Sarawak as specified in Part III, Clause 16, which talks about five principal duties of the Corporation to be as follows vide Clause 16 (1) (c)—

“(c) to promote and encourage the generation of energy with a view to the economic development of Sarawak in particular and Malaysia in general;”

Now, with the hydro-electric power coming on-stream in a few years' time, are we laying down the necessary foundation for some kind of industrial siting in Sarawak itself? Since energy nowadays is the major cost of production in most commodities and services and since it is found in abundance in Sarawak, can we plan our economy in such a way that we site our industries such as small manufacturing businesses there to make full use of this cheap energy hopefully to achieve in some of the cases?

Would there be any special industrial rate, apart from the usual domestic rate? Would there be a special industrial rate for large consumers, the industrial requirements that are needed by the factories and plants, especially around the Bintulu area, so as to lower the cost of production, maybe to make up for the extra cost of freight charges, transport of goods and services, so that the new spirit of national integration will take place, so that it will not be in the eyes of the people of Sarawak just another case of taking away the wealth, the potentials of Sarawak and not giving anything in return. We are still waiting to see that. So, our judgement on this is a provisional one. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

5.26 ptg.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang Dipertua, saya suka juga terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Mukah dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah di waktu menyuarakan sokongan beliau kepada Rang Undang-undang ini telah membangkitkan tiga perkara. Perkara yang pertama beliau mencadangkan bahawa Kerajaan patut memperluaskan pelaksanaan rancangan bekalan elektrik ke luar bandar di negeri Sarawak. Memang menjadi hasrat Kerajaan sekarang bukan sahaja di negeri Sarawak tetapi di seluruh negara untuk memperluaskan pelaksanaan rancangan bekalan elektrik luar bandar seperti yang telah dibuat dan mengikut kemampuan kita melaksanakannya. Khas untuk negeri Sarawak, Kerajaan memang sedar bahawa ketinggalan negeri itu dalam bekalan elektrik luar bandar memang sudah ternyata dan satu dari tujuan kita bahawa penjana kuasa elektrik diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan ialah dengan tujuan supaya dapat kita memperluaskan lagi dengan sedaya upaya yang boleh melaksanakan projek bekalan elektrik luar bandar di negeri itu.

Bersabit dengan perkara yang kedua yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Mukah, memang saya juga mengalu-alukan sokongan beliau bahawa di dalam Rang Undang-undang ini kita telah membuat satu peruntukan khas dalam seksyen 46 bahawa compensation memang disediakan. Ini memang terpaksa terpulung kepada budi bicara Kerajaan

Negeri Sarawak dan Kerajaan Persekutuan untuk menetapkan jumlah dan paras yang munasabah, yang betul dan yang adil untuk kepentingan bukan sahaja kepentingan negeri Sarawak tetapi kita juga tidak boleh terlupa kepentingan negara keseluruhannya.

Bersabit dengan hydro-electricity khususnya masalah resettlement orang-orang yang terlibat, perkara ini juga telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Sebelum sesuatu projek itu dilaksanakan memang semua kajian diambil. Satu daripada kajiannya ialah bagaimanakah cara yang sesuai untuk kita mengatasi masalah bersabit dengan penduduk-penduduk yang terlibat dalam pelaksanaan projek Hydro-electric Power. Ini memang dalam pertimbangan Kerajaan. Seperti juga yang terdapat di dalam pelaksanaan projek Lembaga Letrik Batang Ai sekarang dan juga projek hydro-elektrik di tempat-tempat lain di Semenanjung Malaysia, Kerajaan memang sedar pelaksanaan projek itu memang mesti memberi pertimbangan kedudukan mereka yang terlibat. Saya rasa tidaklah kita payah takutkan bahawa Kerajaan tidak mengingati perkara ini.

Bersabit dengan tarif pula ia juga disentuh oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap tadi, kuasa menetapkan tarif dalam Lembaga SESCO atau Lembaga Letrik Negara, atau Lembaga-lembaga Letrik yang lain ialah bergantung atas pertimbangan Lembaga itu sendiri. Tidaklah saya dapat menetapkan paras tarif yang akan dilaksanakan oleh Lembaga itu.

Perlu juga dinyatakan sebelum Lembaga menimbang paras tarif yang patut dikenakan Lembaga itu memang seharusnya mempertimbangkan kedudukan kewangannya sendiri untuk mendapat penjana bertambah dan juga

kedudukan kewangan dan kedudukan kos-kos penajaan kuasa yang disalurkan oleh Lembaga itu. Walaupun kita memang menyedari kesemua pengguna-pengguna elektrik memerlukan harga elektrik yang sepalang-paling rendah dan minimanya, ini mesti juga digabungkan setaraf mana yang realistic dan sesuai sudah ditimbang kos penajaan dan penyalurannya.

Tuan Yang Dipertua, saya juga suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuching, walaupun beliau dari ahli Pembangkang tetapi nampaknya beliau juga menyokong hasrat dan tujuan Bil ini. Dalam menyokong hasrat dan tujuan Bil ini beliau nampaknya ada juga membayangkan keraguan sedikit sebanyak. Satu, beliau menyentuh bahawa Kerajaan Persekutuan sekarang sensitif kedudukan pertimbangan perasaan Kerajaan Negeri Sarawak dan Rakyat negeri Sarawak kononnya oleh kerana sendiri datang dari negeri itu. Suka saya menerangkan bahawa kedudukan ini tidaklah bergantung kepada kedudukan seseorang Menteri. Kedudukan ini memang menjadi hasrat dan tujuan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk menentukan hubungan di antara negeri-negeri di negara kita ini bukan sahaja Sarawak tetapi di seluruh negara memang sentiasa perhubungan itu erat dan baik.

Dalam kita menjanakan apa-apa bentuk pun dalam Kerajaan yang diwujudkan oleh Barisan Nasional, kita memang menghadapi dan selalu menyedari bahawa sensitiviti rakyat kita di negara ini perlu dipertimbangkan. Ini memang satu hasrat dan satu polisi dan satu perkara yang sentiasa diamanahkan dan diwujudkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Beliau juga telah menyentuh beberapa perkara secara detail. Yang

pertama bersabit dengan kuasa Menteri dalam melantik ahli-ahli jemaah Lembaga. Seperti beliau sendiri maklum dan menyedari bahawa menjadi prinsip undang-undang kuasa itu jika diserahkan kepada tanggungjawab seseorang atau sesuatu badan, kuasa itu memang sentiasanya dijalankan dengan bertanggungjawab dan untuk melaksanakan praktiknya Menteri-menteri yang menjalankan tugas ini bukan sahaja menunaikan kewajipan seseorang Menteri itu sendiri tetapi menunaikan kewajipan Kerajaan keseluruhannya. Walaupun mungkin seseorang Menteri itu ada kesilapan dari segi collective responsibility Kerajaan itu akan dipertanggungjawab. Jadi sekali lagi, saya rasa tidaklah perlu bagi Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching itu membimbangkan dari segi bahawa kuasa ini terserah kepada Menteri yang berkuasa kepada penajaan kuasa elektrik di negara kita ini.

Perlu juga saya mengingatkan bahawa di dalam perlantikan Board of Directors ini, memang menjadi hasrat dan tujuan kita untuk menimbang bahawa Lembaga itu dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna dan dengan efficient. Jika ianya terdapat bahawa perlantikan orang-orang dari tempat itu akan menyumbangkan pelaksanaan Lembaga itu memberi perkhidmatan yang efficient dan yang baik seharusnya perkara ini memang perlu dipertimbangkan dan tidak ianya menunggu syor-syor yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan sentiasa diingat.

Begitu juga dari segi Clause 32 yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi bersabit dengan full compensation harta benda dan tanah di mana Lembaga ini akan menjalankan tugasnya. Seperti yang diketahui dari segi undang-undang, memang terdapat jika seseorang itu tidak berpuas hati dengan keputusan-keputusan yang

telah dibuat oleh Director of Land atau oleh Menteri sendiri memanglah ada terbuka mengikut lunas undang-undang di negara kita ini kuasa untuk orang itu memohon pertimbangan mengikut lunas undang-undang yang ada. Itu ternyata dan tidak payah kita bimbangkan juga dalam perkara ini.

Saya juga suka menyentuh bahawa pendapat Ahli Yang Berhormat itu bersabit dengan pelaksanaan hydro-power sebagai satu penjana kuasa yang baik yang patut dilaksanakan dalam masa-masa ke hadapan memandangkan renewable energy ialah energy yang baik dibangunkan. Seperti yang biasa diterangkan bukan sahaja oleh saya sendiri tetapi oleh pemimpin-pemimpin yang lain beberapa kali yang sudah memang menjadi tujuan dan hasrat Kerajaan kita memperbagaikan punca tenaga di negara ini dan keutamaan diberi bersabit dengan penjana kuasa gas, arang batu, juga kuasa hydro-electric power. Di waktu melaksanakan projek hydro-electric power bukan sahaja kita menimbang kesan-kesan bersabit dengan environment sesuatu projek Kerajaan sebelum ianya dilaksanakan dan diluluskan dari semua segi bentuk termasuk perkiraan environment cost dan keuntungan keseluruhannya secara balance seharusnya ditimbangkan. Ini memang menjadi perkara yang biasa dilakukan oleh Kerajaan yang mentadbirkan negara ini pada setakat sekarang. Seharusnya Kerajaan Barisan Nasional menjaga kepentingan negara dan rakyat kita di Malaysia ini, saya berpendapat bahawa pertimbangan itu akan terus dijalankan. Dengan ulasan-ulasan itu, saya suka memberi ucapan terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 54 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA LETRIK SABAH

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.42 ptg.

Dato' Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta Lembaga Letrik Sabah 1982 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini adalah juga bertujuan untuk menubuhkan suatu perbadanan bernama Lembaga Letrik Sabah atau dalam bahasa Inggerisnya Sabah Electricity Board yang akan bertanggungjawab atas penjana dan pembekalan tenaga elektrik di negeri Sabah.

Sepertimana juga dengan Rang Undang-undang Perbadanan Perbekalan Letrik Sarawak yang telah diluluskan oleh Dewan ini sebentar tadi penubuhan Lembaga ini adalah perlu memandangkan hasrat Kerajaan Persekutuan hendak memansuhkan melalui satu perintah pemansuhan

setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Sabah berhubung dengan perwakilan kuasa perundangan mengenai perkara elektrik dan pengagihan gas yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Sabah menurut perintah Negeri-negeri Borneo (Kuasa-kuasa Perundangan) 1963. Oleh itu dengan mula berkuatkuasanya perintah pemansuhan tersebut adalah dicadangkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah akan mengambil langkah-langkah untuk memansuhkan Enakmen Lembaga Letrik Sabah yang menubuhkan Perbadanan bernama Lembaga Letrik Sabah. Oleh yang demikian, sebenarnya Lembaga ini yang ditubuhkan menurut undang-undang Persekutuan adalah dicadangkan menjadi pengganti kepada Lembaga Letrik Sabah yang telah ditubuhkan dan dijangka akan dibubarkan menurut Undang-undang Negeri.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedia maklum seperti yang saya telah terangkan di waktu membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Bekalan Letrik Sarawak, penjanaan dan pembekalan Elektrik adalah dalam Senarai Persekutuan menurut Perlembagaan Malaysia. Walau bagaimanapun Kerajaan Persekutuan dalam hal ini telah mewakilkan kuasa perundangan berkaitan dengan perkara-perkara tersebut kepada Kerajaan Negeri Sabah semasa penubuhan Malaysia dahulu. Kerajaan Persekutuan sekarang ini setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Sabah telah bersetuju untuk menerima balik kuasa yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri Sabah. Dengan penyerahan-balik perwakilan kuasa ini bermakna bahawa kuasa perundangan mengenai penjanaan dan bekalan letrik akan dipindahkan dari Kerajaan Negeri Sabah kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Persekutuan seterusnya adalah bertanggungjawab penuh mengenai tenaga elektrik di negeri Sabah.

Memandangkan bahawa kuasa mengenai penjanaan elektrik dan pengagihan adalah dalam senarai Kerajaan Persekutuan dan juga memandangkan bahawa perbekalan elektrik perlu diperluaskan keseluruhan negara bagi memenuhi hasrat Kerajaan hendak memperbaiki keadaan hidup dan rakyat juga bagi membolehkan perusahaan-perusahaan diperluaskan ke seluruh pelusuk negara maka masa juga sudah tiba kuasa yang telah diperturunkan kepada Kerajaan Negeri Sabah itu dipindah balik kepada Kerajaan Persekutuan sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan.

Tuan Yang Dipertua, perlu diingatkan juga seperti yang saya terangkan di waktu membahaskan Rang Undang-undang bersabit dengan pihak SESCO tadi, pelaksanaan projek-projek hydro sememangnya memakan belanja yang besar dan oleh kerana inilah difikirkan mustahak kuasa ini dipindahkan balik kepada Kerajaan Persekutuan. Tambahan pula Sabah mempunyai potensi yang kedua terbesar di Malaysia dalam potensi hydro yang perlu juga dieksplotasi memandangkan harga minyak yang tinggi sekarang ini.

Bagi membolehkan pemindahan kuasa ini dilaksanakan maka perbadanan yang sedang menjalankan kegiatan pembekalan dan penjajahan elektrik di Sabah sekarang iaitu Lembaga Letrik Sabah harus dijadikan Perbadanan Persekutuan dan dalam hal ini Kerajaan Persekutuan berpendapat bahawa cara yang paling sesuai juga untuk menjadikan Lembaga Letrik Sabah sebagai Perbadanan Persekutuan ialah dengan cara menggubal satu Rang Undang-undang yang baru yang sedang dibentangkan oleh saya sekarang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga penggubal Rang Undang-undang ini telah dibuat

berasaskan kepada perbekalan-perbekalan yang sedia ada dalam Ordinan Letrik Sabah, Bab 40 dan Enakmen Lembaga Letrik Sabah 1981 dengan pindaan yang sedikit sahaja kepada ordinan dan enakmen berkenaan. Dengan lain-lain perkataan kebanyakan dari perbekalan dalam ordinan dan enakmen yang sedia ada akan terus dipakai dan dikuatkuasakan dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang Dipertua, saya suka menegaskan di sini bahawa dengan pemindahan kuasa ini kelak tidak akan menjejaskan kedudukan pegawai dan kakitangan lembaga sekarang. Ini perlu dijelaskan dan ianya adalah kerana mereka terus berkhidmat dengan lembaga dan dibenarkan menikmati apa-apa kemudahan yang diterima oleh mereka sebelum ini. Ini jelas juga di bawah Seksyen 70 Rang Undang-undang yang saya bantah. Cuma perbezaan yang timbul ialah dengan berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini kelak, mereka adalah dianggap sebagai pegawai dan kakitangan sebuah perbadanan Persekutuan dan tidak lagi sebagai pegawai dan kakitangan perbadanan negeri Sabah.

Walau bagaimanapun oleh kerana terdapat sedikit sebanyak perbezaan dari segi peraturan-peraturan dan syarat-syarat perkhidmatan, mereka yang akan bertugas selepas berkuatkuasa undang-undang ini kelak akan dikenakan syarat-syarat yang terdapat dan ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang Dipertua, seperti yang saya terangkan tadi di waktu membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Letrik Sarawak mengenai soal pampasan pula sama juga bahawa untuk menjaga kepentingan Kerajaan Negeri dan juga sebagai tanda keikhlasan serta hubungan yang baik di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah bahawa

seksyen bersabit dengan bayaran pampasan iaitu Seksyen 67 telah dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai penubuhan suatu lembaga yang dikenali sebagai "Lembaga Letrik Sabah" dan mengenai perjalanan dan pelaksanaan oleh Lembaga akan fungsi-fungsi berhubung dengan bekalan elektrik dan lain-lain perkara tertentu dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

5.50 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): *(Dengan izin)* Tuan Yang Dipertua, now a Bill called the "Lembaga Letrik Sabah" is being introduced in this House to take over the Sabah Electricity Board in Sabah. Besides those points which were raised by my colleague from Bandar Kuching relating to the Sarawak Electricity Supply Corporation Bill, I have a few points to add, certain things like lamp posts.

For example, if the poor people who are living in the villages want to apply for electricity supply to their houses, when they stay far away from the main roads the Sabah Electricity Board always imposes a condition that they must pay for the lamp posts and this will cost up to \$800 or even \$1,500. So the poor people in the villages cannot afford it and therefore they will have no electricity supply. I hope the Government, after taking over the

Sabah Electricity Board, will look into these problems and try to supply electricity to the poor people in Sabah, especially in the kampung areas.

The other problem is that after the General Elections this year, the street lights in Sandakan are switched off after 10.00 o'clock not only in the town area but around the Labuk Road area. Lamp post lights are automatically switched off and in certain areas they are completely off. So, I hope that after the Federal Government takes over the Sabah Electricity Board they will ensure that street lights in Sandakan will not be cut off after 10.00 o'clock.

Under Clause 11 there is a section which says that "Provided that the Minister may waive the requirements of this subsection in any specific case" relating to the members of the Board. I hope the Minister will look into this one. If a member of the Board has any interest in any energy undertaking this condition should not be waived. If he is still holding an interest directly or indirectly, he should not be a member of the Board, which should be made clear; otherwise there will be a conflict of interests by being a Board member and at the same time also holding interest in the electrical industries.

Section 14 (2) states, "Any person who contravenes or fails to comply with the provisions of subsection (1) of this section shall be guilty of an offence and shall be liable on conviction to a fine of one thousand ringgit and imprisonment for six months". I hope the Minister will consider increasing the amount of fine. Nowadays \$1,000 is too small a sum.

Section 24 states, "No person shall be eligible for employment as an officer or servant of the Board who has, directly or indirectly, by himself or his partner, any share or interest in any contract with, for or on behalf of the Board". I hope the Minister will take into consideration the wives and

relatives of the Board members and also any other persons who are related to the Board members and also employees of the Board.

This is all I have to say.

Tuan Yang Dipertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

5.57 ptg.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang Dipertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Sandakan itu mengambil peluang bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang ini tetapi nampaknya serupa juga untuk meregisterkan bahawa beliau hendak bercakap juga oleh kerana perkara-perkara yang telah disentuh oleh beliau tadi sedikit sebanyak telah juga dijelaskan di waktu saya mengulas perbahasan bersabit dengan Rang Undang-undang Perbadanan Perbekalan Elektrik Sarawak. Sebenarnya, suka saya menegaskan bahawa Kerajaan pun tidaklah payah menunggu syor dari Ahli-ahli Pembangkang untuk kita menetapkan bahawa dari segi "conflict of interest" kita memang bertanggungjawab menentukan tidak ada ahli-ahli Lembaga yang terlibat dalam perkara ini dan ianya akan disiasat dan ditentukan.

Saya rasa, saya tidaklah payah menjawab lebih panjang dari itu, dan dengan ucapan itu, saya memberikan ucapan terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 90 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PELABURAN KERAJAAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.39 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama "Suatu Akta untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk menerima pelaburan wang selama suatu tempoh tetap dan membayar dividen ke atasnya" dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan 1982 adalah perlu untuk membolehkan bank-bank Islam memenuhi sebahagian dari keperluan urusan pelaburan jangka pendek melalui pembelian sijil-sijil pelaburan tanpa faedah yang akan dikeluarkan oleh Kerajaan. Oleh kerana sijil-sijil pelaburan ini akan diiktiraf sebagai harta mudahtunai (liquid assets) oleh Bank Negara Malaysia, pemegang harta ini oleh bank-bank Islam akan membolehkan bank-bank tersebut mematuhi keperluan rezab berkanun dan keperluan mudahtunai yang

ditetapkan oleh peruntukan undang-undang. Alat-alat kewangan yang sedia wujud seperti bil-bil Perbendaharaan, surat jaminan Kerajaan dan penerimaan-penerimaan jurubank (bankers acceptances) yang dibeli oleh bank-bank biasa untuk pelaburan jangka pendek dan untuk mematuhi keperluan rezab berkanun dan keperluan mudahtunai mereka, adalah tidak sesuai bagi bank-bank Islam oleh kerana alat-alat kewangan ini dikeluarkan dan diperniagakan atas konsep faedah yang dianggap sebagai riba oleh Islam.

Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan 1982 membolehkan Menteri Kewangan menerima, bagi pihak Kerajaan Malaysia, pelaburan wang dari orang ramai sebanyak sepuluh ribu ringgit atau dalam gandaan sepuluh ribu ringgit, dengan syarat jumlah wang yang diterima dan belum dibayar balik tidak akan melebihi jumlah yang ditetapkan oleh Yang Dipertuan Agong melalui *Warta Kerajaan* dari masa ke semasa. Menteri Kewangan akan mengeluarkan resit dalam bentuk sijil pelaburan kepada pelabur-pelabur bagi tiap-tiap pelaburan yang dibuat. Wang yang diterima akan digunakan untuk menebus sijil-sijil pelaburan yang matang, atau dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan (Development Fund) untuk digunakan selaras dengan tujuan Kumpulan Wang tersebut. Tempoh bagi sijil pelaburan yang dikeluarkan berhubung dengan penerimaan wang adalah satu tahun atau lebih, dan sijil-sijil tersebut boleh dipindah milik melalui catatan dan penyerahan (endorsement and delivery). Dividen dan bukannya faedah, akan dibayar ke atas pelaburan tersebut atas kadar-kadar yang akan diumumkan oleh Menteri Kewangan melalui *Warta Kerajaan*.

Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan 1982 akan membolehkan bank-bank Islam mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti pembangunan negara dan juga membolehkan

Kerajaan menerima pelaburan dari orang-orang Islam dan badan-badan Islam tanpa melibatkan riba.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Dauh): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk menerima pelaburan wang selama suatu tempoh tetap dan membayar dividen ke atasnya, dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Oleh sebab tidak ada Ahli-ahli berucap atas Rang Undang-undang ini, maka saya kemukakan Rang Undang-undang ini kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSURANS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.16 ptg.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, saya memohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Insurans, 1963" dibacakan bagi kali yang kedua.

Dalam tahun 1980, Kerajaan telah melantik satu Jawatankuasa Pegawai-pegawai untuk menjalankan kajian semula yang menyeluruh terhadap Akta Insurans. Jawatankuasa ini dianggotai oleh Pegawai-pegawai Perbendaharaan, Ketua Pengarah Insurans dan wakil-wakil dari Pendaftar Syarikat, Pendaftar Perniagaan, jabatan Pembangunan Koperasi, Jabatan Peguam Negara dan Bank Negara Malaysia.

Beberapa pindaan kepada Akta Insurans telah dicadangkan untuk mencerminkan keperluan dan keadaan permintaan ekonomi negara yang berubah. Pindaan-pindaan ini adalah merupakan sebahagian daripada strategi keseluruhan Kerajaan untuk memperkukuhkan lagi industri insurans untuk membolehkannya memainkan peranan yang lebih positif dalam pertumbuhan ekonomi negara. Selain dari itu, pindaan ini juga bertujuan untuk meningkatkan perlindungan yang diberi kepada pemegang-pemegang polisi. Pindaan-pindaan yang dicadangkan telah pun dibincangkan dengan wakil-wakil dari industri insurans dan ulasan-ulasan mereka telah dipertimbangkan sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua, untuk memberikan pandangan yang menyeluruh kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai cadangan pindaan kepada Akta Insurans, saya akan menerangkan setiap klausa utama Rang Undang-undang ini.

Margin solvensi (Solvency Margin)

Buat masa ini, margin solvensi bagi penanggung insurans am ditetapkan pada kadar 15 peratus daripada pendapatan premium diurusniaga (written premiums) atau \$1.0 juta, mengikut mana yang lebih banyak. Pendapatan premium diurusniaga ditafsirkan sebagai premium kasar ditolak insurans semula yang ditempatkan di Malaysia.

Klausu 4 bertujuan menggantikan seksyen 3 kepada Akta yang ada sekaang dengan seksyen 3 yang baru. Seksyen baru ini, antara lain, bertujuan untuk mengubah asas penghitungan margin solvensi dari premium diurusniaga (Written premiums) kepada premium bersih (net premiums) agar ianya selaras dengan amalan di peringkat antarabangsa. Premium bersih ditafsirkan sebagai premium kasar ditolak insurans semula yang ditempatkan di Malaysia dan juga di seberang laut.

Margin solvensi yang baru pada kadar 20 peratus daripada jumlah pendapatan premium bersih adalah wajar dan cukup untuk menentukan pertumbuhan industri insurans.

Modal dibayar minima

Pada masa sekarang, penanggung insurans dikehendaki mengadakan modal dibayar minima sebanyak \$1.0 juta bagi setiap kelas perniagaan (insurans nyawa atau am) dan \$1.5 juta bagi kedua-dua kelas perniagaan. Jumlah ini untuk masa sekarang tidak lagi dianggap mencukupi dan dengan demikian Klausu 6 (c) memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menetapkan modal dibayar minima yang mesti diselenggara oleh penanggung-penanggung insurans.

Modal dibayar baru adalah \$5.0 juta bagi setiap kelas perniagaan dan \$10.0 juta bagi kedua-dua kelas

perniagaan. Keperluan mengadakan modal yang lebih tinggi ini akan dapat memperkukuhkan lagi kedudukan syarikat-syarikat insurans.

Bayaran pendaftaran tahunan

Adalah juga didapati perlu untuk menetapkan bayaran pendaftaran tahunan ke atas penanggung-penanggung insurans seperti yang dikenakan kepada pihak bank. Klausu 7 membolehkan bayaran pendaftaran tahunan dikenakan ke atas penanggung insurans. Butir-butir mengenai bayaran ini akan ditetapkan melalui Peraturanan.

Daftar polisi

Pada masa sekarang, semua penanggung insurans dikehendaki mengadakan satu daftar polisi-polisi insurans. Walau bagaimanapun, cara penyelenggaraan daftar-daftar ini berbeza di antara sebuah syarikat dengan yang lain. Tambahan pula, maklumat dalam setengah-setengah daftar polisi itu adalah tidak lengkap. Oleh yang demikian, Klausu 9 membolehkan Menteri menetapkan bentuk dan cara bagaimana daftar-daftar itu patut diselenggarakan. Pindaan ini akan dapat menentukan penyeragaman daftar-daftar polisi dapat diselenggarakan dengan lebih berkesan lagi.

Pelaburan dalam aset-aset yang dibenarkan

Penanggung-penanggung insurans adalah dikehendaki melabur sekurang-kurangnya 80 peratus daripada jumlah kumpulan wang insurans mereka dalam bentuk aset-aset Malaysia yang dibenarkan. Aset-aset yang dibenarkan ini ditetapkan di dalam Akta. Klausu 10 (c) memasukkan satu perkara

baharu, iaitu pemulihan tuntutan daripada penanggung insurans semula di dalam atau di luar Malaysia, dianggap sebagai aset yang dibenarkan. Pulihan tuntutan ini adalah besar jumlahnya dan oleh yang demikian kemasukannya sebagai aset-aset Malaysia yang dibenarkan akan dapat membantu penanggung-penanggung insurans mematuhi keperluan yang diwajibkan untuk melabur 80 peratus dari kumpulan wangnya dalam aset-aset yang dibenarkan.

Pelepasan hakmilik aset

Pada masa sekarang, semua penanggung insurans dikehendaki mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Insurans sebelum melepaskan hakmilik aset mereka. Cara sedemikian telah menimbulkan kesulitan kepada penanggung-penanggung insurans. Bagi tujuan memudahkan urusan perniagaan, adalah dicadangkan dalam Klausula 12 supaya peruntukan ini akan dihadkan hanya kepada penanggung-penanggung insurans yang sedang disiasat atau sedang menghadapi masalah kewangan sahaja.

Perkara matan

Buat masa ini, menurut seksyen 15c kepada akta, penanggung-penanggung insurans nyawa tidak boleh membatalkan polisi insurans kecuali pemegang polisi telah memberi maklumat palsu atau tidak tepat mengenai apa yang dimaksudkan "perkara matan".

Klausula 14 yang baru bertujuan mentakrifkan istilah "perkara matan" supaya bererti apa-apa jua perkara atau fakta yang sekiranya diketahui oleh penanggung insurans, akan menyebabkan penanggung insurans berkenaan tidak akan

mengeluarkan polisi insurans nyawa kepada pengambil insurans atau akan menyebabkan penanggung insurans itu mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat kepada pengambil insurans, daripada syarat-syarat yang biasanya dikenakan pada polisi insurans nyawa tersebut.

Tempoh meneliti polisi

Klausula 15 bertujuan memasukkan satu seksyen baru 15D untuk memberi masa kepada pemegang-pemegang polisi insurans nyawa selama 14 hari untuk meneliti polisi yang diambil dan mengemukakan bantahan terhadap mana-mana syarat dalam polisi dan, jika ada, mengembalikan polisi berkenaan kepada penanggung insurans yang kemudiannya dikehendaki membayar balik sepenuhnya apa-apa premium yang telah dibayar. Amalan ini juga meneliti sebagai "tempoh meneliti polisi" adalah bertujuan untuk memberikan perlindungan yang lebih kepada orang awam yang mengambil insurans.

Pembatalan lantikan sebagai pengarah

Klausula 17 memasukkan satu seksyen baru 17cc yang memperuntukkan bahawa mana-mana pengarah, ketua eksekutif, ketua pegawai atau pengawal syarikat insurans hendaklah melepaskan jawatan jika mana-mana antara mereka menjadi bankrap, melepaskan harta mereka untuk kepentingan sipitang atau disabitkan atas kesalahan kerana perbuatan curang atau menipu. Cadangan ini yang juga terdapat di dalam Akta Bank, 1973 adalah perlu bagi memastikan supaya mereka yang layak dan sesuai sahaja menguasai atau menguruskan perjalanan satu-satu syarikat insurans itu.

Pemeriksaan terhadap penanggung insurans

Klausa 18 bertujuan meminda seksyen 18 untuk membolehkan Ketua Pengarah Insurans, setelah memberi notis kepada penanggung insurans secara bertulis terlebih dahulu, mempunyai akses kepada semua buku, akaun, rekod dan urusan mereka. Ini sungguh-sungguh akan dapat membantu Ketua Pengarah Insurans dalam menjalankan pemeriksaan berkala terhadap penanggung insurans dari masa ke semasa bagi memastikan peruntukan-peruntukan Akta ini dipatuhi.

Pengunduran pengunderait Lloyd

Pada masa sekarang selain dari penanggung-penanggung insurans yang didaftar di bawah Akta, pengunderait yang mewakili Lloyd di London juga dibenar menjalankan perniagaan insurans di negara ini. Lloyd telah, disebabkan oleh unsur sejarah negara kita, mendapat kemudahan yang agak unik ini iaitu menjalankan perniagaan insurans secara langsung di Malaysia melalui wakil-wakilnya. Sebaliknya penanggung-penanggung insurans asing di Malaysia dikehendaki menubuhkan pejabat cawangan untuk menjalankan perniagaan insurans di negara kita sendiri.

Oleh yang demikian, Kerajaan telah mengkaji kedudukan yang tidak seimbang ini, yang dianggap sebagai tidak selaras dengan arah aliran insurans antarabangsa dan tidak memberi keadilan kepada penanggung-penanggung insurans tempatan dan asing yang menjalankan perniagaan di negara kita ini. Berikutan dari keadaan ini, adalah dicadangkan dalam Klausa 21 agar kemudahan yang dinikmati oleh Lloyd menjalankan perniagaan insurans secara langsung ditarik

balik. Namun demikian, Lloyd akan dibenarkan bertindak sebagai penanggung insurans semula, sama seperti mana-mana penanggung insurans semula antarabangsa yang lain bagi perniagaan insurans di Malaysia.

Saya ingin juga menambah di sini, bahawa bahagian perniagaan Lloyd dalam tahun 1981 hanyalah 0.9 peratus daripada jumlah pendapatan premium insurans am negara ini. Bahagian perniagaan ini kemudiannya boleh disalurkan kepada penanggung-penanggung insurans lain di negara kita.

Langkah-langkah juga telah dibuat bagi memastikan semua tanggungan polisi-polisi insurans yang dikeluarkan oleh Lloyd sebelum pindaan ini dikuatkuasakan, akan ditanggung oleh Lloyd.

Melesen broker dan penyelaras kerugian

Klausa-klausa 22 dan 23 bertujuan memperkukuhkan pengawasan broker insurans dan penyelaras kerugian. Pertama, semua broker dan penyelaras kerugian akan masing-masing dikehendaki menjadi ahli persatuan-persatuan broker dan penyelaras kerugian yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Antara lain, Ketua Pengarah Insurans akan diberi kuasa untuk membatalkan lesen yang dikeluarkan kepada broker dan penyelaras kerugian insurans sekiranya mana-mana syarat yang dikenakan kepada lesen telah dilanggar atau disebabkan oleh kepentingan orang ramai pembatalan tersebut adalah perlu. Pindaan ini adalah perlu untuk menentukan pengawalan yang lebih berkesan lagi terhadap pengantara-pengantara insurans yang dinyatakan tadi.

Broker/penyelaras kerugian yang tidak berlesen

Klausula 24 memasukkan satu seksyen baru 20D yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Insurans untuk memeriksa buku dan rekod kepunyaan mana-mana pihak yang disyaki sedang menjalankan perniagaan atau dianggap dirinya sebagai broker atau penyelaras insurans walhal dia tidak mempunyai lesen yang sah. Pindaan ini adalah perlu memandangkan adanya kes-kes broker dan penyelaras yang tidak berlesen menjalankan perniagaan mereka di negeri-negeri tertentu di Malaysia. Pindaan ini akan membolehkan Ketua Pengarah Insurans mengambil tindakan yang wajar terhadap mereka ini.

Penilaian tahunan syarikat insurans nyawa

Klausula 25 mewajibkan syarikat insurans nyawa menjalankan penilaian bagi tiap-tiap tahun tentang tanggungan mereka dan penilaian ini hendaklah dijalankan oleh aktuari yang berkelayakan. Pada masa sekarang, mereka hanya dikehendaki membuat penilaian tersebut hanya sekali dalam jangka masa tiga tahun. Pindaan ini akan dapat memastikan penyemakan mengenai solvensi syarikat insurans nyawa itu dibuat tepat pada masanya.

1135

Penyiasatan terhadap penanggung insurans

Penyiasatan terhadap syarikat-syarikat insurans yang menghadapi masalah kewangan adalah perlu untuk memastikan tindakan yang segera dapat diambil untuk mengelakkan kemungkinan penanggung-penanggung insurans tersebut dari terus menghadapi kegagalan. Kuasa yang ada sekarang untuk menjalankan penyiasatan

adalah dianggap tidak mencukupi. Oleh yang demikian, Klausula 26 bertujuan meminda seksyen 27 (4) untuk membolehkan Ketua Pengarah Insurans menjalankan penyiasatan terhadap syarikat insurans tanpa dikehendaki memberi notis secara bertulis. Pindaan ini juga memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Insurans mendapatkan akses kepada buku, akaun, dan lain-lain dokumen penanggung insurans, sama ada disimpan di Malaysia ataupun di tempat lain.

Kuasa untuk mendakwa

Klausula 31 memasukkan seksyen baru 39B bagi membolehkan Ketua Pengarah Insurans, atau sesiapa yang diberi kuasa olehnya, menjalankan pendakwaan. Seksyen baru ini akan membolehkan Ketua Pengarah Insurans menguatkuasakan Akta dengan lebih berkesan untuk kepentingan industri insurans pada keseluruhannya.

Pembayaran wang polisi insurans nyawa tanpa probet dan surat mentadbir pusaka

Pada masa sekarang, syarikat insurans nyawa boleh membayar kepada waris yang berhak, hanya sembilan puluh peratus daripada wang polisi insurans nyawa atau \$20,000 mengikut mana yang kurang, tanpa probet atau surat mentadbir pusaka.

Adalah dicadangkan supaya jumlah wang polisi yang hendak dibayar tanpa probet ini ditambahkan lagi bagi membantu lagi orang-orang tanggungan pemegang polisi yang telah meninggal dunia tadi. Oleh yang demikian, Klausula 32 bertujuan mengkanunkan semula seksyen 44, dengan tujuan memberikan

fleksibiliti kepada Menteri menetapkan jumlah wang yang boleh dibayar itu melalui Peraturan sahaja.

Sebagai permulaan, jumlah wang yang boleh dibayar tanpa probet akan ditingkat menjadi sembilan puluh peratus daripada jumlah wang polisi atau \$60,000 mengikut mana yang kurang. Tambahan pula, bagi polisi-polisi insurans yang nilainya kurang daripada \$20,000 bayaran balik sepenuhnya boleh dibuat dengan tidak payah penuntut mengemukakan surat pentadbir kuasa Pindaan ini akan dapat menghindar kesulitan yang dialami oleh orang-orang tanggungan pemegang polisi yang telah meninggal dunia.

Peruntukan Akta Insurans, 1963 "vis-a vis" peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Kontrak, 1950 dan Ordinan Syarikat Kerjasama

Klausa 33 bertujuan memasukkan satu Seksyen baru iaitu 44B bagi maksud menjelaskan lagi kedudukan Akta Insurans, yakni Akta Syarikat, 1965, Akta Kontrak, 1950 dan Ordinan Syarikat Kerjasama. Adalah dimaksudkan supaya peruntukan Akta Insurans ini mengatasi peruntukan Akta-akta dan Ordinan-ordinan yang disebutkan tadi. Peruntukan ini adalah perlu bagi mengelakkan sebarang pertelingkahan serta Akta-akta atau Ordinan mana yang harus mengatasi dalam kes-kes di mana peruntukan-peruntukan Akta Insurans bercanggah atau tidak bersesuaian dengan peruntukan Akta-akta dan Ordinan yang saya telah nyatakan sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, sebagai kesimpulannya, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa pindaan-pindaan ini adalah perlu untuk mewujudkan

sebuah industri insurans yang kukuh. Adalah diharapkan melalui beberapa tindakan yang telah diambil ini, industri insurans akan dapat memberi sumbangan lebih terhadap pembangunan ekonomi negara. Pindaan-pindaan ini juga bertujuan untuk memberi perlindungan dan faedah yang lebih kepada pengguna-pengguna di dalam urusan insurans mereka. Adalah difikirkan kena pada masanya sekiranya kesemua pindaan kepada Akta yang dinyatakan tadi diberi pertimbangan untuk diluluskan.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Insurans tahun 1963 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang **Berhormat** dari Lumut.

6.28 ptg.

Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut): Tuan Yang Dipertua, saya ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kerana melalui pindaan-pindaan yang diperkenalkan mutu dan taraf perusahaan insurans akan dipertingkatkan lagi bahkan kepentingan pemegang-pemegang polisi insurans akan mendapat pembelaan yang lebih baik.

Tuan Yang Dipertua, kadang-kadang orang awam terpengaruh dengan polisi-polisi insurans nyawa yang menarik yang dikatakan akan menghasilkan faedah yang sungguh lumayan jika polisi-polisi itu berjalan sehingga tamat tempoh masanya, tetapi jurujual insurans kadang-kadang tidak peduli atau tidak memperkirakan sama ada pelanggan-pelanggan mereka

terdaya menanggung pembayaran premium tahunan yang agak mahal dan membebankan.

Tuan Yang Dipertua, sebagai contoh terdapat seorang bekas Ahli Dewan ini yang menjadi mangsa kepada agennya yang fast talking, dengan izin, bekas Ahli Yang Berhormat itu membeli satu polisi nyawa yang bernilai \$5 juta pada tahun 1973 yang luput dengan sendirinya 3 tahun kemudian.

Tuan Yang Dipertua, oleh sebab-sebab yang saya sebutkan tadi rampasan polisi (policy forfeitures) sering berlaku. Berasaskan Laporan Tahunan 1981 keluaran Ketua Pengarah Insurans, pengiraan saya tentang rampasan polisi itu bagi tempoh tahun 1971 hingga tahun 1980 menunjukkan purata kadar rampasan sebanyak 63.2% bagi kategori polisi perkhidmatan rumah ke rumah dan 28.3% bagi polisi biasa.

Tuan Yang Dipertua, saya sekarang beralih kepada insuran kemalangan. Kadang-kadang terdapat mangsa-mangsa kemalangan yang juga menjadi mangsa-mangsa syarikat insurans. Dengan ini saya suka secara ringkas meriwayatkan penderitaan seorang balu di Ayer Tawar, Perak yang menjadi mangsa syarikat insurans. Suaminya mending Hui Hong Ming dilanggar mati oleh sebuah lori No. AJ 2481 yang sedang gosan pada 26hb Jun, 1969 tetapi sehingga hari ini wang pampasannya masih belum dibayar. Ekoran dari perbicaraan pada 16hb Mac, 1976 pihak Mahkamah Tinggi Ipoh menghakamkan pembayaran pampasan sebanyak \$35,000 tetapi pihak insurans secara tidak langsung enggan menunaikan tanggungan ini dengan memohon penggantian wakil pembelanya dan merayu juga untuk mengubah lindungan asas insurans itu kepada Third Party. Siasatan saya menunjukkan pertanggungan-pertanggungan perbicaraan kes ini berjumlah 8 kali bagi tempoh tahun

1971 sehingga hari ini dengan inflasi yang menjejaskan purchasing power. Jika pembayaran pampasan sebanyak \$35,000 yang dihakamkan pada tahun 1976 dibayar hari ini sudah tentu sebahagian besar nilai wang asalnya telah hilang. Pada tahun 1976 \$35,000 boleh membeli sebuah rumah bungalow berkembar di kawasan saya, tetapi sekarang harganya sudah melambung ke paras \$140,000. Jika kelewatan kes ini dan kes-kes yang seumpamanya dibiarkan maka mangsa-mangsa insuran secara tidak langsung dihisap darahnya oleh syarikat-syarikat insurans yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang Dipertua, rumusan saya jika syarikat-syarikat insurans dengan mudah memperolehi tangguhan-tangguhan pembayaran pampasan mengikut sesuka hati mereka secara tidak habis-habis, maka penderitaan mangsa-mangsa kemalangan atau waris-waris mereka akan berterusan. Jadi saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya daftar-daftar syarikat insurans yang disebutkan oleh beliau tadi yang juga diwajibkan di bawah Rang Undang-undang ini akan mencatatkan butir-butir tanggungan liabilities, termasuk kes-kes mahkamah yang belum diselesaikan dan tarikh permulaannya. Ia akan membayangkan sama ada sesuatu syarikat insurans menggunakan taktik-taktik kotor yang tidak bermaruah untuk tujuan melambatkan pembayaran pampasan.

Tuan Yang Dipertua, saya perhatikan Kementerian Kewangan telah mewujudkan satu Biro Bantuan Awam yang dikendalikan oleh Bahagian Insurans tentang pengaduan-pengaduan insurans, malangnya orang awam tidak sedar akan wujudnya Biro ini yang bertujuan mengurangkan kes-kes penipuan insurans. Saya perhatikan juga satu Perjanjian Perlanggaran Perbendaharaan (Treasury Collision Agreement) yang

dicipta untuk menyenangkan tuntutan-tuntutan pampasan tentang kemalangan yang melibatkan kenderaan-kenderaan Kerajaan dengan kereta-kereta persendirian, dari pengalaman saya sebahagian besar peguam-peguam pun tidak sedar akan kemudahan ini dalam kes-kes kemalangan yang mana pelanggan-pelanggan mereka terlanggar dengan trak-trak Kerajaan. Tetapi oleh kerana Bahagian Insurans memaikan satu peranan yang bercorak "low profile" maka orang awam tidak sedar akan kemudahan-kemudahan dan hak mereka. Oleh itu, saya fikir masanya sudah tiba bagi Kementerian Kewangan menjalankan kempen-kempen publisiti dari semasa ke semasa untuk mewujudkan kesedaran orang awam tentang adanya langkah-langkah untuk menjamin keadilan dalam bidang perniagaan insuran.

Tuan Yang Dipertua, pada akhirnya, saya menyokong Akta Insurans (Pindaan) 1982 dengan sepenuhnya.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Sandakan.

6.35 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): (*Dengan izin*). Tuan Yang Dipertua, I rise to take part in the debate on the Bill to amend the Insurance Act, 1963.

The insurance industry in Malaysia can be said to be on the upward swing despite the world economic recession. According to the Director General of Insurance, in his 19th Annual Report, the number of policies issued was 816,040 in 1980 and 920,860 (estimated) in 1981 respectively. The sum insured amounted to \$11,294.9 million and \$14,505.6 million (estimated) for 1980 and 1981 respectively. In terms of percentage, there was an increase of 24.2% and 28.4% (estimated) for 1980 and 1981 respectively in terms of policies and the

annual premium insured was \$323.3 million and \$388.0 million (estimated). In terms of percentage, there is an increase of 16.3% and 20.0% (estimated) respectively.

Sub-section (4) of Section 16 of the Insurance Act states that any applicant for a life insurance policy has to disclose on the proposal form fully and faithfully all the facts which the applicant knows or ought to know; otherwise the policy so issued is deemed to be void. This provision is usually abused by insurance companies. In cases where a policy-holder dies, the insurance company will claim that the policy-holder had not declared the details required on the proposal form fully and faithfully; and this usually delays the settlement of the claim. In this way, the insurance companies are able to utilise the suspended money for their business activities, and the longer the delay the insurance companies will benefit the more.

In order to protect the interest of policy-holders, life insurance policy contracts should contain a clause stating that after the policy has been in force for a period of time, say six months, and should the insurers concerned fail to query the veracity of information provided therein, the life insurance policy contracted should be taken to mean as being accepted by both parties and should be honoured by the insurers. Furthermore, once a beneficiary lodges a claim, such claim should be settled within one month. If for any reason the money could not be paid out immediately due to tax clearance and any other statutory deduction, the insurance company must pay interest on the amount payable from the time the claim was made up to the time of settlement to ensure that the beneficiaries are not made to suffer any financial losses.

A taxpayer is allowed tax deductions on insurance premium, E.P.F. and

other approved superannuation funds up to \$3,500 annually. In cases where the husband and wife choose to have separate income tax declarations, the exemption granted for insurance premium, E.P.F. and other superannuation funds is \$3,500 for both of them, which is rather unfair. If they are allowed to make separate income tax declarations, then both of them should be entitled to the same amount of tax exemption, i.e. \$3,500 each. The rate fixed for income tax exemption for payments made on account of insurance premium and E.P.F. was fixed a long time ago and with inflation and reduction in the purchasing power of the ringgit, the DAP calls on the Government to consider increasing the present ceiling of \$3,500 to \$7,000 to encourage more savings from the private sector and to stimulate the economic growth in Malaysia.

Many life insurance policy-holders after some time find that they are in need of money or are unable to continue their life policies due to financial difficulties and thus are forced to cancel their life policies before maturity. These people are subject to the exploitation by the insurers. In several cases they are not paid the actual amount which they should receive but instead receive amounts that are much lower than what they are supposed to receive. I call on the Minister to introduce regulations to ensure that all life insurance policy contracts should be made to carry a surrender cash value table showing the amount a policy-holder will receive at any particular point of time when the life policy is surrendered. In this way the policy-holders' interest is protected. Further, life insurance contracts should be made simpler so as to be easily understood by all.

In many cases, money cannot be paid out due to the fact that the Letter of Administration is not obtainable and the beneficiary has to wait for a few months or sometimes up to two years.

This causes undue hardship to the beneficiary's family and at the same time the money is used by the insurance company. At present, if an insurance policy is below \$20,000, 90% can be paid out to the beneficiary and 10% is retained by the insurance company until the Letter of Administration is produced. In case where the deceased had been heavily insured, the insurance company will only pay a maximum of \$20,000 and the balance only after the Letter of Administration is produced. As the estate duty has been revised to \$300,000 now, I call on the Government to stipulate that if a life insurance policy is less than \$300,000, then it should be paid immediately without any delay and a suitable and fair table be laid down stipulating the amount of money that should be retained by the insurance companies for purposes of estate duty.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Mukah.

6.43 ptg.

Dr Leo Michael Toyad (Mukah): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Insurans, 1963. Saya ingin menonjolkan beberapa perkara di dalam Rang Undang-undang ini untuk pertimbangan Kementerian Kewangan dan seterusnya diterima jika mereka fikirkan perkara-perkara itu perlu.

Pada pendapat saya, Ketua Pengarah Insurans sebagai seorang pegawai Kerajaan yang kanan di dalam Kementerian Kewangan yang diberi tugas untuk melaksanakan peraturan-peraturan di bawah Akta Insurans, 1963 dan beliau mempunyai kuasa untuk menjalankan tugas seperti dikehendaki oleh Akta tersebut seperti di Klausa 31 dalam Rang Undang-undang ini. Dalam perkataan lain, Ketua Pengarah ini mempunyai kuasa yang penuh untuk mendisiplinkan industri insurans di dalam negara ini.

Ini meliputi bukan sahaja syarikat-syarikat insurans, bahkan semua broker insurans dan juga semua penyelaras.

Kita tidak menafikan bahawa kepentingan industri insurans di Malaysia ini diawasi dengan teliti oleh seorang Ketua Pengarah Insurans, supaya syarikat-syarikat insurans atau broker atau penyelaras tidak menyalahgunakan kepercayaan pelanggan khususnya dan rakyat di negara ini amnya, supaya mereka tidak menyeleweng dan menggunakan wang yang diberi secara premium kepada syarikat-syarikat tersebut untuk kepentingan mereka sendiri yang tidak bersangkut-paut dengan pembelian polisi insurans yang dimaksudkan oleh pelanggan tersebut. Tetapi sebaliknya, Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem enterprise bebas (free enterprise system), kita berasa lemas jikalau seorang pegawai kanan Kerajaan diberi kuasa yang penuh dan sangat luas yang tidak memberi motivasi dan inovasi untuk syarikat-syarikat tersebut bertindak dengan lebih lancar, tetapi mengikut undang-undang yang berkenaan. Kita tidak mahu pelabur-pelabur asing di dalam bidang tertentu yang ingin hendak melabur di Malaysia ini akan merasa ragu-ragu apabila dikemukakan dengan peraturan undang-undang yang ada untuk industri tersebut.

Tuan Yang Dipertua, yang ingin saya kemukakan di sini ialah Kerajaan sepatutnya memberi peluang syarikat-syarikat di dalam industri insurans untuk maju ke hadapan dan mendapat keuntungan yang lumayan kepada pemegang-pemegang sahamnya dengan gangguan yang minima daripada Ketua Pengarah Insurans asalkan mereka mengikut peraturan-peraturan yang tersebut. Dari pihak Kerajaan ia akan mendapat jumlah wang yang besar sebagai cukai pendapatan syarikat-syarikat tersebut sekiranya syarikat-syarikat itu mendapat keuntungan yang besar pada

kedudukan kewangan tahunan yang berkenaan. Dari penglibatan cukai yang besar ini Kerajaan dapat menggunakannya untuk melaksanakan projek-projek yang tertentu yang akan memberi faedah yang besar kepada rakyat jelata amnya. Ini menunjukkan bahawa bukan sahaja syarikat-syarikat industri insurans yang beruntung daripada kejayaan mereka dalam perniagaan tersebut, bahkan rakyat jelata juga merasai manfaat dari mereka daripada hasil cukai pendapatan yang dibayar oleh syarikat-syarikat tersebut.

Saya sangatlah berharap dengan adanya persefahaman di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan dan peringkat swasta untuk mencapai matlamat yang saya sebutkan tadi, maka diperlukan campurtangan yang minima dari pihak Ketua Pengarah Insurans supaya perkembangan industri insurans di tanahair kita akan kian maju hingga ke tahap yang dikehendaki oleh kita; iaitu sebagai satu pusat insurans antarabangsa di rantau ini.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin hendak membuat satu cadangan berkenaan dengan pembaharuan lesen broker insurans yang dikehendaki oleh Akta ibu iaitu pada tiap-tiap tahun terpaksa membuat permohonan kepada Ketua Pengarah Insurans terlebih dahulu sebelum syarikat broker insurans itu boleh menjalankan perniagaannya. Pada hemat saya Akta ibu ini telah menetapkan tiap-tiap syarikat menghantar akaun syarikat-syarikat mereka pada tiap-tiap 4 bulan sekali (quarterly accounts) kepada Ketua Pengarah Insurans dan di bawah Rang Undang-undang di bawah Klausula 29 menghendaki broker insurans memberi Ketua Pengarah Insurans apa-apa maklumat sebagaimana yang telah ditetapkan. Di sini kita dapati bahawa Ketua Pengarah di bawah Klausula 29 ini mempunyai kuasa yang luas untuk mengambil apa-apa tindakan yang perlu untuk mengawasi

industri broker insurans. Saya berpendapat tidak perlulah syarikat-syarikat broker insurans memohon lesen mereka pada tiap-tiap tahun kepada Ketua Pengarah Insurans. Ini akan memberi nafas yang baharu kepada industri broker insurans keseluruhannya supaya mereka tidaklah membuang masa membuat permohonan tiap-tiap tahun berkenaan dengan hal ini.

Syarikat-syarikat insurans am dan nyawa (general insurance and life insurance) tidak dikehendaki memohon untuk membaharui lesen-lesen mereka pada tiap-tiap tahun seperti juga bank-bank di negara kita ini. Saya berharap Kementerian Kewangan dapat mengambil tindakan untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan industri broker insurans seperti yang wujud untuk industri insurans dan bank-bank.

Sekiranya kita khuatir bahawa sebuah Syarikat broker insurans membuat penyelewengan atau melanggar salah satu peraturan-peraturan yang tertentu yang telah termaktub di dalam Akta ibu ataupun Akta (Pindaan) yang di hadapan kita sekarang, Ketua Pengarah Insurans mempunyai kuasa yang sangat luas di bawah klausa-klausa yang tertentu untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh Syarikat-syarikat itu.

Saya dapati bahawa Syarikat Broker Insurans dari negeri asing yang berusahasama dengan syarikat tempatan tidak memainkan peranan mereka dengan sempurna, khasnya dalam segi pengurusan dan mengajar anak-anak tempatan dalam bidang ilmu pengetahuan berkenaan dengan 'Insurance Broking'. Syarikat-syarikat asing ini hanya hendak mengambil kesempatan untuk mendapat perniagaan yang lumayan menerusi pertalian tempatan seperti SEDC dan agensi-agensi Kerajaan yang mereka

fikir susah untuk mendapat sokongan jika mereka berniaga bersendirian sebagai sebuah syarikat asing. Saya berharap Ketua Pengarah Insurans akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memerlukan "Foreign Partner" di dalam syarikat seumpama itu. Untuk meneruskan peranan mereka dalam bidang yang diperlukan oleh syarikat tempatan yang mereka berusahasama, janganlah syarikat asing ini mengambil 'local partner' mereka ini sebagai agen atau "Ali Baba" in reverse.

Di Sarawak banyak syarikat-syarikat broker insurans ialah dari Semenanjung Malaysia yang berusahasama dengan SEDC dan SABERKAS (Pertubuhan Belia Sarawak) di mana mereka mendapat sokongan daripada agensi-agensi Kerajaan. Syarikat broker insurans bumiputera tempatan terpaksa mencari rezeki daripada "open market business" iaitu persaingan dengan syarikat-syarikat asing dan bukan bumiputera selain daripada syarikat-syarikat yang disokong oleh agensi Kerajaan. Untuk mengusahakan supaya syarikat broker insurans bumiputera tempatan diberi peluang untuk meningkat ke taraf yang lebih tinggi, ia perlu diberi peluang oleh Ketua Pengarah Insurans mempunyai cawangan di Kuala Lumpur "where the main Insurance Broker is in Malaysia today". Kebanyakan Pengurus-pengurus Broker Insurans yang berpengalaman dan mahir di Kuala Lumpur dan tidak mahu bekerja di Sarawak atau Sabah dan dari itu syarikat-syarikat broker insurans di sana sukar mendapat pengurus-pengurus yang berkualiti dalam bidang ini.

Sekianlah pandangan saya dan saya sokong penuh pindaan Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang Dipertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.53 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, saya berterima kasih kepada ketiga-tiga orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan dan pandangan terhadap Rang Undang-undang yang dicadangkan ini.

Kepada wakil dari Lumut, ingin saya memaklumkan iaitu oleh kerana kemungkinan terdapatnya mereka yang membeli polisi-polisi yang agak tinggi kemudian itu tidak berupaya meneruskan bayaran sama ada bulanan atau tahunan, maka itulah satu daripada cadangan yang telah dikemukakan ialah mengenai tempoh meneliti polisi yang baru dicadangkan ini. Dalam bahasa Inggerisnya, "a cooling off period". Ertinya dengan adanya tempoh meneliti polisi ini yang kita cadangkan selama 14 hari dapatlah pihak-pihak yang berkenaan, ertinya yang membeli itu meneliti sebenarnya sama ada dia puas hati dari segi bayaran, dia puas hati dari segi conditions tertentu sebelum dia menerima sepenuhnya. Kalau dia tidak puas hati dia masih lagi boleh memulangkan polisi itu dan segala pembayaran yang dibuat akan dikembalikan kepada yang membeli insurans tadi.

Berhubung dengan polisi kemalangan yang dinyatakan tadi, inginlah saya memaklumkan iaitu pada kebiasaannya banyak hal-hal yang berkaitan dengan kemalangan ini diselesaikan di luar Mahkamah di antara pihak yang berkenaan. Dalam pada itu jika sekiranya terdapat mereka yang terlibat tidak mahu menyelesaikan di luar Mahkamah, mengikut kehendak yang membeli insurans, mereka yang terlibat itu bolehlah menghubungi pihak Bahagian Insurans di Kementerian Kewangan.

Tuan Yang Dipertua, seterusnya beberapa pandangan yang telah dikemukakan oleh wakil dari Sandakan kebanyakan dari pandangan beliau itu sebenarnya membaca Laporan yang telah tercatat dalam Laporan Tahunan ke 19. Terima kasih kerana beliau membacakan untuk pandangan saya. Satu daripada perkara yang disebutkan tadi ialah berkenaan income tax. Saya tidak berapa pasti sebenarnya sama ada kita membincangkan Undang-undang Insurans ataupun Undang-undang Income Tax. Jadi dengan izin, for the benefit of my doubt, saya tidak respond tentang perkara itu. Kemudian itu dia juga mengatakan bahawa selalu sangat Syarikat-syarikat Insurans ini tidak mahu membayar dengan cepat. Itulah satu daripada pindaan yang telah kita buat ialah untuk menambah lagi bayaran dengan cepat tanpa menunggu perbincaraan dan sebagainya daripada \$20,000 dinaikkan kepada \$60,000 mengikut seperti yang dicadangkan di dalam Clause 32 yang baru dicadangkan ini. Ini kita anggap adalah satu kebaikan, satu improvement yakni daripada \$20,000 mulanya dahulu, sekarang ini dinaikkan kepada \$60,000. Jadi kita lihat ini sudah merupakan satu kebaikan terhadap pindaan yang dibuat pada hari ini. Beliau juga mencadangkan supaya, saya petik, dengan izin, "policy should be easily understood", lebih kurang begitulah, maknanya berangkali ia hendak menyenangkan lagi tulisan-tulisan dalam polisi itu hendak senangkan. Ini, Tuan Yang Dipertua, memanglah boleh.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Sila sambung besok. Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok, 9hb Disember, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.